



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK KHAIRULLAH BIN HAJI DAUD
KETUA KAMPUNG PAYA JAKAS
MENGENAI SEJARAH KAMPUNG PAYA JAKAS**

NURIN SHAZA ALIA BINTI MAHAZAN

2022970237

NUR QAISARA ARISA BINTI MOHD YUSOF

2022758317

SEMESTER MAC 2023 - SEPTEMBER 2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK KHAIRULLAH BIN HAJI DAUD
KETUA KAMPUNG PAYA JAKAS
MENGENAI SEJARAH KAMPUNG PAYA JAKAS**

NURIN SHAZA ALIA BINTI MAHAZAN

2022970237

NUR QAISARA ARISA BINTI MOHD YUSOF

2022758317

FAKULTI PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MATEMATIK

SEMESTER MAC 2023 - SEPTEMBER 2023

ISI KANDUNGAN

| | |
|--|-----------|
| ABSTRAK..... | i |
| PENGHARGAAN..... | 2 |
| ABREVIASI..... | 3 |
| RUJUKAN KATA..... | 4 |
| 1.0 BIODATA PENEMUBUAL..... | 5 |
| 2.0 BIODATA TOKOH..... | 6 |
| 3.0 PENGENALAN..... | 7 |
| 3.1 PENDAHULUAN..... | 7 |
| 3.2 LATAR BELAKANG KAJIAN..... | 8 |
| 3.3 PERMASALAHAN KAJIAN..... | 8 |
| 3.4 OBJEKTIF KAJIAN..... | 8 |
| 3.5 PERSOALAN KAJIAN..... | 9 |
| 3.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN..... | 9 |
| 4.0 TINJAUAN LITERATUR..... | 10 |
| 5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL..... | 12 |
| 6.0 LOG TEMUBUAL..... | 34 |
| 7.0 RALAT..... | 44 |
| 8.0 GLOSARI..... | 48 |
| 9.0 INDEKS..... | 51 |
| 10.0 RUJUKAN..... | 52 |
| 11.0 LAMPIRAN..... | 53 |
| 11.1 BIOGRAFI TOKOH..... | 53 |
| 11.2 SURAT KEPADA PENGKISAH..... | 54 |
| 11.3 SURAT PENGAKUAN PENERIMAAN SALINAN TRANSKRIP..... | 55 |
| 11.4 SENARAI SOALAN TEMUBUAL..... | 56 |
| 11.5 DIARI PENYELIDIKAN..... | 58 |
| 11.6 GAMBAR-GAMBAR BERKAITAN..... | 60 |
| 11.6.1 Muzium Persendirian Kampung Paya Jakas..... | 61 |
| 11.6.2 Jeram Tinggi..... | 63 |

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang 2 orang pelajar menemurah tokoh iaitu Encik Khairullah Bin Haji Daud yang merupakan ketua Kampung Paya Jakas merungkai tentang isu sejarah di kawasan perkampungan tersebut. Wawancara ini dilaksanakan bagi meneliti sejarah Kampung tersebut dan keunikan serta perkembangan semasa dari pelbagai sudut. Encik Khairullah atau lebih mesra dikenali sebagai tok ketua mempunyai minat yang mendalam terhadap sejarah. Beliau merupakan pengkisah yang telah dicadangkan oleh persatuan sejarah segamat untuk berkongsi informasi tentang sejarah Kg. Paya Jakas yang terletak di Jementah, Johor. Oleh kerana kecenderungan dan minatnya terhadap kisah sejarah, beliau menyimpan kisah warisan Kg. Paya Jakas dan dapat berkongsi informasi yang menarik tentang lokaliti tersebut. Antara maklumat yang dikongsi berkaitan nama kampung tersebut yang berasal daripada kisah penumbuhan pokok jakas di sekitar paya berhampiran kampung tersebut, hal ini menyebabkan teretusnya nama kampung yang diberi gelaran sebagai Kg. Paya Jakas. Bermula daripada pengenalan kampung tersebut, kajian ini turut memfokuskan secara menyeluruh tentang aspek corak pentadbiran, gaya hidup masyarakat serta pembentukan pembangunan dan kemajuan semasa di Kg. Paya Jakas.

Kata kunci: Kampung Paya Jakas, Encik Khairullah Haji Daud, isu sejarah, perkembangan semasa dan persatuan sejarah segamat.

PENGHARGAAN

Bersyukur ke atas hadirat ilahi dengan limpahan kurnia-Nya, dapat kami menyiapkan tugas sejarah lisan ini. Pertama sekali kami ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada pensyarah kami yang dihormati, Puan Azura Binti Abdul Jalil @ Kamarudzzaman atas tunjuk ajar serta bimbingan daripada beliau untuk kami menjayakan tugas ini.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penemu bual kami iaitu Encik Khairullah Bin Haji Daud, ketua Kampung Paya Jakas kerana sudi meluangkan masa serta berkongsi kisah-kisah yang berkaitan dengan tugas ini seterusnya membawa kami melawat tempat-tempat yang menarik di Kampung Paya Jakas.

Di samping itu tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan sekelas kami yang banyak memberi dorongan serta sokongan kepada kami untuk menjayakan projek sejarah lisan ini. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kami kepada persatuan sejarah segamat atas segala bantuan yang telah diberikan kepada kami.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek sejarah lisan ini. Terima kasih.


ABREVIASI

| SINGKATAN | MAKSUD |
|------------------|-------------------------------|
| AJK | Ahli Jawatankuasa |
| KBSR | Kem Bestari Sekolah Rendah |
| KOSPEN | Komuniti Sihat Perkasa Negara |
| NGO | Organisasi Bukan Kerajaan |
| RELA | Jabatan Sukarelawan Malaysia |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| YDP | Yang Dipertua |

RUJUKAN KATA

| | |
|--------|-------------|
| Dah | Sudah |
| Dekat | Di |
| Dulu | Dahulu |
| Dorang | Mereka |
| Jelah | Sahaja lah |
| Kat | Dekat |
| Ni | Ini |
| Ok | Okay |
| Pastu | Selepas itu |
| Saja | Sahaja |
| Takda | Tiada |
| Tu | Itu |
| Tulah | Itu lah |

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

| PENEMUBUAL 1 | |
|---|--------------------------------|
|  | |
| NAMA | NURIN SHAZA ALIA BINTI MAHAZAN |
| UMUR | 22 TAHUN |
| ALAMAT | KUANTAN, PAHANG |
| NO TELEFON | 010-8870315 |

| PENEMUBUAL 2 | |
|---|---------------------------------------|
|  | |
| NAMA | NUR QAISARA ARISA BINTI MOHAMAD YUSOF |
| UMUR | 22 TAHUN |
| ALAMAT | PEKAN, PAHANG |
| NO TELEFON | 011-28936405 |

2.0 BIODATA TOKOH

| TOKOH PENGKISAH | |
|---|------------------------------------|
|  | |
| NAMA | ENCIK KHAIRULLAH BIN HAJI DAUD |
| UMUR | 52 TAHUN |
| TEMPAT LAHIR | SEGAMAT, JOHOR |
| ALAMAT | KAMPUNG PAYA JAKAS, SEGAMAT, JOHOR |
| NO TELEFON | 016-236 3537 |
| PEKERJAAN | PEKERJA SWASTA |

3.0 PENGENALAN

3.1 PENDAHULUAN

Pengertian sejarah amatlah rumit untuk dibincangkan dan ditafsirkan. Menurut Fifie Safina Osman, 2021, mengatakan bahawa ahli sejarah mendefinisikan sejarah mengikut idea mereka tersendiri yang dipengaruhi oleh zaman, tempat, budaya masing-masing. Sebagai contoh, maksud sejarah dari segi bahasa itu tersendiri berbeza-beza mengikut tempat dan bangsa masing-masing.

Namun begitu, menurut Lin, 2020 sejarah lisan biasanya merujuk kepada metodologi dan bukannya teori. Akan tetapi beberapa dekad yang lepas, para sejarawan-sejarawan lisan telah membangunkan teori tentang memori dan subjektif serta struktur yang menerangkan rangka kerja untuk cerita-cerita lisan tentang masa terdahulu. Kaitan antara sejarah dan ilmu dapat difahami dengan memikirkan apa yang dimaksudkan dengan sains dan sejarah.” Sejarah lisan ialah cara baharu untuk belajar dan mendapatkan maklumat. Ia boleh memberi kita gambaran umum tentang perkara baru yang tidak kita ketahui sebelum ini” (Siti Roudhah Mohamad Saad, et al, 2012).

Di samping itu, peranan sejarah lisan amat penting kepada bagi membina semula peristiwa-peristiwa sejarah untuk menggantikan rekod-rekod atau dokumen yang telah dimusnahkan oleh mana-mana pihak. Selain tu, ia juga dapat membantu untuk melengkapkan kekosongan yang terdapat dalam sumber-sumber bertulis. Hal ini kerana, jika terdapat individu yang ingin membuat kajian tentang sejarah tersebut maka individu tersebut boleh merujuk kepada catatan sejarah lisan yang telah dibuat. Hal ini dapat memudahkan pengkaji untuk mengetahui tentang sejarah tersebut dengan lebih tepat dan terperinci.

Tuntasnya, tujuan menjalankan sejarah lisan ini adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat tertentu daripada individu-individu yang terpilih yang mengalami peristiwa sejarah tersebut atau pun yang mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang peristiwa sejarah tersebut. Menurut Siti Roudhah Mohamad Saad, 2012, usaha merakam sumber-sumber lisan amat penting kerana dokumen-dokumen sejarah akan terus kekal selamanya tetapi mereka yang mengalami peristiwa sejarah tidak akan kekal selamanya.

3.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah berkaitan sejarah perkampungan yang terdapat di negeri johor iaitu Kg. Paya Jakas yang terletak di kawasan Jementah. Kajian ini dilaksanakan melalui proses temubual bersama tokoh yang merupakan ketua kg di sana, tokoh tersebut dikenali sebagai Tok Khairullah. Agenda kajian yang dijalankan terdiri daripada beberapa analisis khas berkaitan kisah disebalik pemilihan nama kampung dan riwayat perkampungan. Di samping itu, kajian juga dijalankan bagi menghuraikan tentang cara dan bentuk pentadbiran, aktiviti ekonomi masyarakat di awal penubuhan kampung, aktiviti sosial serta gaya hidup masyarakat di awal penubuhan kampung dan seterusnya pembangunan dan kemajuan semasa di Kg. Paya Jakas. Kajian ini menitikberatkan tentang aspek sejarah tradisi sesebuah kampung yang mencapai pembangunan dan kemajuan. Daripada kajian ini masyarakat dapat mempelajari kepentingan sejarah khususnya sebagai medium penting dalam proses penubuhan negara bangsa yang maju. Selaras dengan pembentukan wawasan negara bangsa, pendidikan berperanan sebagai alat sosialisasi bagi membina kesedaran baru dari aspek maklumat bersejarah seperti yang dilaksanakan dalam kajian.

3.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Negara maju adalah wilayah atau daerah yang memperoleh status perkembangan ekonomi yang baik melalui kebijaksanaan dan keterwakilan dalam sistem pemerintahannya. Di Malaysia terdapat ribuan perkampungan unik yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi. Kajian dilaksanakan atas dasar rasa ingin tahu dan keinginan untuk mengumpul informasi maklumat sejarah di perkampungan Paya Jakas yang membolehkan masyarakat terutamanya generasi muda menjadi lebih prihatin terhadap pembangunan dan kemajuan yang terdapat di kawasan tersebut. Hal ini kerana, sesetengah golongan masyarakat tidak mengambil peduli dan sering mengetepikan asal usul sesebuah desa oleh kerana mereka lebih gemar kehidupan di Kawasan bandar. Mereka menganggap kemajuan di kawasan desa tidak setanding di bandar. Kajian ini juga dilakukan bagi memperingati jasa dan sumbangan tokoh perintis yang telah di kawasan tersebut. Daripada kajian yang dilaksanakan masyarakat dapat menambah ilmu pengetahuan tentang sejarah penubuhan kampung dan keistimewaan Kg. Paya Jakas.

3.4 OBJEKTIF KAJIAN

- Untuk mengenalpasti asal usul dan tradisi di Kampung Paya Jakas yang memainkan peranan penting kepada nama sesebuah kg.

- Untuk mengenalpasti tokoh perintis serta sumbangannya kepada Kampung Paya Jakas.
- Untuk merangka keadaan dan suasana di awal pembukaan Kg. Paya Jakas.
- Untuk menghuraikan corak pentadbiran di Kawasan tersebut.
- Untuk mengenalpasti aktiviti ekonomi masyarakat di awal pembukaan kampung.
- Untuk menganalisis aktiviti sosial dan gaya hidup masyarakat di awal pembukaan kg.
- Untuk menghuraikan pembentukan pembangunan dan kemajuan semasa di Kg. Paya Jakas.

3.5 PERSOALAN KAJIAN

- Apakah asal usul dan peristiwa yang membawa kepada pembentukan Kg. Paya Jakas?
- Siapakah tokoh perintis dan sumbangannya kepada Kg. Paya Jakas?
- Bagaimanakah keadaan dan suasana di awal pembukaan Kg. Paya Jakas?
- Apakah corak pentadbiran yang diaplikasikan di penempatan Kg. Paya Jakas?
- Apakah aktiviti ekonomi masyarakat di permulaan pembentukan kampung?
- Bagaimanakah aktiviti sosial dan gaya hidup masyarakat di awal pembukaan kampung?
- Bagaimana pembangunan & kemajuan semasa di Kg. Paya Jakas?

3.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Pembentukan bangsa Malaysia yang mempunyai semangat patriotik adalah salah satu faktor utama kepada pembinaan warganegara yang bertanggungjawab. Sehubungan dengan itu, Kajian keatas perkampungan bersejarah telah dilaksanakan bagi mendedahkan kepada masyarakat tentang keistimewaan dan keunikan Kg. Paya Jakas. Kajian ini juga dilaksanakan bagi kesinambungan sesebuah masyarakat dan ia diperlukan sebagai panduan untuk memastikan masyarakat mengetahui sedikit sebanyak tentang isu sejarah di sesebuah lokaliti sebelum ianya berkembang maju. Dengan wujudnya sifat keprihatinan terhadap sejarah secara tidak langsung membolehkan seseorang menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang warganegara yang patriotik dan lebih menghargai nilai warisan yang ditinggalkan. Di samping itu, kajian ini dapat dijadikan sebagai medium untuk berkongsi maklumat bersejarah dan berharga kepada umum sebagai contoh ianya dapat diaplikasikan bagi tujuan pengetahuan am dan pengajaran. Hal ini kerana sesebuah warisan mempunyai nilai yang berharga. Kajian dilakukan dengan menggunakan sumber primer iaitu melalui proses temubuai bersama tokoh, hal ini dapat membantu memberi gambaran yang lebih jelas dan tepat tentang sesebuah maklumat.

4.0 TINJAUAN LITERATUR

Pada tahun 1528, Sultan Alauddin Riayat Shah daripada keturunan Kesultanan Melaka telah menubuhkan Johor dan menetap di Johor Lama. Dinasti ini memerintah Johor sehingga tahun 1699 iaitu hari kemangkatan Sultan Mahmood yang dikatakan telah dibunuh oleh Megat Seri Rama (Laksamana Bintan). Sultan Mahmood tidak mempunyai waris yang sah maka dengan itu pengurusan dan pentadbiran Johor diserahkan kepada Bendahara, yang merupakan menteri yang menyokong Kesultanan Melaka. Disebabkan oleh perang dan untuk mengekalkan kuasa komersialnya, ibu negeri Johor berpindah 20 kali di sepanjang Sungai Johor termasuk Kepulauan Riau (Azmaniza Aziz). Penyelidik ingin mengetahui tentang sejarah pentadbiran negeri Johor.

Menurut Azmaniza Aziz melalui artikel yang ditulisnya, semasa kerajaan Johor berada dibawah pemerintahan Temenggong Daeng Ibrahim, Johor telah bergerak ke arah kemodenan. Dengan kebijaksanaan Temenggong Daeng Ibrahim disamping mendapat kepercayaan penuh oleh pihak Inggris maka dengan itu, pemerintahan Johor diserahkan sepenuhnya kepada baginda oleh Sultan Ali Iskandar Shah. Semasa kerajaan Johor di bawah pemerintahan Temenggong Daeng Ibrahim, hasrat British untuk menjadikan kerajaan Johor sebuah kawasan pedalaman yang banyak membantu pertumbuhan Singapura sebagai salah sebuah pusat perdagangan antarabangsa. Dengan kebijaksanaan yang dimiliki oleh baginda, baginda telah menjadikan Johor sebagai pusat pengeluaran lada hitam dan gambir melalui Sistem Kangchu Cina dan Sistem Buruh Kontrak Jawa. Dengan ini, penyelidik ingin mengetahui permulaan pemodenan kerajaan Johor semasa pemerintahan Temenggong Ibrahim.

Tahun 1855 merupakan tahun titik bermulanya pemodenan Johor. Temenggong Ibrahim membuka Iskandar Puteri sebagai pusat pemerintahan kerajaan Johor dan secara tidak langsung mendirikan balai polis, mahkamah dan jabatan-jabatan lain secara berperingkat menurut Azmaniza Aziz. Antara langkah dan usaha utama yang dilakukan oleh Temenggong Ibrahim untuk memajukan Johor adalah dengan mewujudkan keamanan dan menghapuskan kegiatan pelanun-pelanun. Selain itu, pelajaran kanak-kanak juga dititik beratkan bagi memajukan anak-anak Melayu. Dengan demikian, penyelidik ingin mengenal pasti bilakah titik permulaan pemodenan kerajaan Johor.

Di samping itu, seperti yang diketahui negeri Johor mempunyai 10 buah daerah iaitu Johor Bahru, Batu Pahat, Kluang, Kulai, Muar, Kota Tinggi, Segamat, Pontian, Tangkak dan Mersing. Daerah Segamat merupakan daerah yang tertua di negeri Johor justeru merupakan salah satu daerah yang kaya dengan sejarah silamnya lalu ianya digelar “Daerah Lagenda” (Zahid Dol, 2015). Daerah Segamat terletak di utara negeri Johor yang bersempadan dengan dua negeri iaitu Negeri Sembilan di utara manakala Pahang di timur, (Portal Rasmi Pentadbiran Tanah Johor). Jelaslah disini bahawa penyelidik ingin mengetahui latar belakang daerah Segamat.

Menurut Zahid Dol, 2015, sejarah silam daerah Segamat sering dikaitkan dengan kehebatan kerajaan Malim Dewa yang kononnya pernah wujud pada suatu ketika dahulu di kawasan luas merintanggi Kuala Muar hingga ke hulu daerah Segamat. Menurut cerita rakyat terdahulu, Raja Malim Dewa iaitu Raja Malim Deman pernah mencintai seorang puteri yang bernama Puteri Santan Bertapis. Namun demikian, malangnya putri yang digilakan oleh Malim Deman itu telah dibawa lari oleh seorang putra dari Kayangan. Kegagalan untuk mencari Puteri Santan Bertapis tersebut telah menyebabkan baginda membuat satu sumpahan iaitu selagi puteri yang dicintainya itu tidak ditemui maka daerah Segamat akan dilanda banjir. Oleh yang demikian, Segamat telah dikenali sebagai “Daerah Sumpahan Malim Deman” kata Zahid Dol melalui artikelnya. Seterusnya, penyelidik tertarik untuk mengetahui cerita warisan berkaitan daerah Segamat.

Oleh kerana daerah segamat kaya dengan penganugerahan kisah sejarah yang menakjubkan, penyelidik tertarik untuk melaksanakan kajian keatas sebuah kampung yang terdapat di daerah tersebut. Lokaliti yang dijadikan sumber kajian ialah Kampung Paya Jakas. Penyelidik mempunyai pelbagai persoalan yang bermain di benak fikiran tentang keadaan kampung tersebut. Antaranya termasuklah tentang asal usul dan bagaimana kampung tersebut dinamakan Kg. Paya Jakas, keadaan pembentukan kampung, corak pentadbiran, aktiviti sosial dan gaya hidup masyarakat dan seterusnya Apakah pembangunan dan kemajuan yang terdapat di Kg. Paya Jakas.

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan bersama Encik Khairullah Haji Daud yang merupakan ketua Kampung Paya Jakas mengenai sejarah dan asal usul kampung serta pembangunan dan kemajuan semasa di kampung tersebut. Wawancara ini dikendalikan oleh Nur Qaisara Arisa Binti Mohamad Yusof dan dibantu oleh Nurin Shaza Alia Binti Mahazan. Dengan segala hormatnya, temubual bermula.

Sesi pertama

NQA: [Bunyi mikrofon]. Rakaman sejarah lisan ini diadakan pada tarikh 18 Jun 2023 di Kampung Paya Jakas, Segamat Johor. Saya Nur Qaisara Arisa Binti Mohd Yusof akan menemuramah pengkisah Tok Khairullah Bin Haji Daud.

NQA: Boleh - - bolehkah tok ceritakan serba sedikit tentang diri tok latar belakang tok.

KHD: [Bunyi Mikrofon]. Bismillahirrahmanirahim Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh, ha nama saya Khairullah Bin Haji Daud ha berumur 50 tahun 52 tahun ha tarikh lahir saya pada 26 hari bulan dua 1971. Hm (berdeham), saya adalah anak jati Kampung Paya Jakas ni yang mana saya menetap disini sejak lahir hingga sekarang. [Bunyi Mikrofon]. Pendidikan saya bermula dari darjah satu pada tahun 1978 yang mana zaman saya dulu disini takda sekolah tadika bagaimana yang ada sekarang. Haa saya bermula dari darjah satu di Sekolah Kebangsaan Paya Jakas sehingga darjah enam yang mana dulu ada peperiksaan penilaian sekolah apa tu peperiksaan penilaian darjah tiga dan darjah enam, sekarang dah takda lagi. Haa waktu tu pun taksa kbs KBSR, Kem Baru Sekolah Rendah. Haa kan. Okay pendidikan saya setakat hmm (berfikir) sampai ke SPM dimana saya ambil menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 1988. Jadi setakat ni pembelajaran apa tu pendidikan saya tahap SPM saja. Haa saya menjadi ketua kampung untuk kali kedua lah yang mana dulu kerajaan yang lama tu kerajaan Barisan Nasional, pastu tukar kerajaan balik-balik kepada kerajaan perpaduan sekarang ni jadi saya tawarkan untuk jadi ketua kampung lah. Haa itu saja.

NQA: Sudah berapa lamakah tok menetap di kampung ini?

KHD: Okay saya lahir pada 26 hari bulan dua 1971 bermula pada saat itulah saya menetap sampai ke hari ini pada 18 hari bulan enam 2023 mana selama 52 tahun ye.

NQA: Erm (berfikir), sebelum ini jika tok bukan ketua kampung, tok bekerja sebagai apa atau apakah aktiviti yang akan tok lakukan?

KHD: [Bunyi Mikrofon]. Okay saya dalam menjawat jawatan ketua kampung saya juga bekerja, bekerja di syarikat swasta yang tak jauh dari kampung sana, kampung saya iaitu di pekan Jementah. Haa saya aktiviti saya dekat kampung takda cuma saya mentadbir kampung dan juga bekerja sebagai pekerja swasta di pekan Jementah. [Bunyi Mikrofon].

NQA: Tidak keberatan bolehkah tok ceritakan serba sedikit tentang keluarga tok?

KHD: Baiklah. Saya haa (berfikir) adik beradik saya sembilan orang, yang mana saya anak kedua daripada sembilan adik beradik dan juga saya sudah berkahwin, mempunyai seorang isteri dan juga lima orang anak terdiri daripada tiga lelaki dan dua perempuan. Anak pertama saya lelaki yang bongsu sekali perempuan dan juga saya anak saya dah kahwin dan mempunyai saya mempunyai seorang cucu, cucu lelaki. [Bunyi Mikrofon]

NQA: [Bunyi Mikrofon]. Adakah tok berminat untuk mengumpul koleksi-koleksi sejarah?

KHD: Ha saya sebenarnya memang berminat tentang sejarah ni dan koleksi-koleksi sejarah saya memang minat untuk mengumpul lah kan yang mana saya yalah (mengiyakan) dekat kampung saya ni ada muzium, muzium persendirian haa tu je lah kalau saya ada barang collection (koleksi) koleksi sejarah macam contoh dulu saya ada barang lama saya bagi dekat sana. Saya memang berminat tapi hmm (berfikir sejenak) kecenderungan ke arah tu memang ada tapi me-mandangkan kekangan masa dan juga yalah (mengiyakan) tak dapat saya untuk menyimpan koleksi-koleksi sejarah.

NQA: [Bunyi Mikrofon]. Apakah contoh dan jenis koleksi yang tok simpan?

KHD: Okay saya koleksi yang saya simpan terdiri dari tu pun dari arwah abah saya lah haa (berfikir sejenak) siren ah siren tahu kan siren (bertanya) mana zaman komunis dulu sebelum ada siren pakai ketuk-ketuk tu macam yang ada dekat masjid tu kan beduk kan (bertanya) haa tapi er dulu dia orang ada masa zaman komunis dia ada siren dan siren tu ada masa saya ada pada saya lagi yang mana digunakan secara manual lah dan juga saya ada menyimpan koleksi duit-duit lama tupun (itu pun) dari arwah bapa saya, saya menyambung jelah dia punya ni lah saya simpan lagi duit-duit lama tu yang mana banyak duit-duit Malaysia la mata wang Malaysia. Ha itulah yang saya ada setakat ni. [Bunyi Mikrofon]

NQA: Bagaimana tok boleh berminat untuk mengumpul koleksi-koleksi sejarah tu, adakah err (berfikir sejenak) tok menjadikan seseorang sebagai tok punya inspirasi untuk mengumpul sejarah-sejarah?

KHD: [Bunyi Mikrofon]. Saya sebenarnya benda tu datang dari minat saya sendiri lah haa (mengiyakan) takda-takda siapa saya ikutkan cuma iyalah saya kalau minat barang-barang lama ni memang saya minat iyalah benda lama untuk jadi kita apa tu (bertanya) macam kita mengenangkan kisah lama la kan. Haa (berfikir sejenak) contoh duit-duit lama masa zaman saya dan zaman sebelum saya lahir macam siren tu sebelum saya lahir benda tu dah ada yang saya cakap tadi kan haa tu benda tu minat itu timbul dari diri sendiri. [Bunyi Mikrofon].

NQA: Sewaktu tok umur berapa tok sudah mula mengumpul koleksi-koleksi sejarah?

KHD: [Bunyi mikrofon]. Semasa saya dalam sekolah menengah la tapi saya tak pasti saya ingat dalam tingkatan satu tingkatan dua macam tu haa saya dah mula minat mengumpul koleksi-koleksi sejarah. [Bunyi mikrofon].

NQA: [Bunyi mikrofon]. Selain daripada minat tok untuk mengumpul koleksi-koleksi sejarah, apakah hobi lain atau kegiatan sukan yang tok gemar untuk lakukan?

KHD: Okay selain daripada mengumpul barang-barang sejarah koleksi sejarah, saya juga ber- haa hobi saya banyak juga lah yang mana yang ada dua lah kan saya suka berbasikal, berbasikal mountain bike. Haa baru-baru ni saya ada pergi event jambori di

Negeri Sembilan Gemencheh Negeri Sembilan saya masuk dalam tulah haa (berfikir sejenak) apa itu event (acara) haa (berfikir sejenak) sejauh 45 kilometer. Alhamdulillah saya dapat menamatkan kayuhan tu. Haa (mengiyakan) saya sebenarnya memang minat berbasikal ni sejak dari kecil dulu memandangkan sekarang dah ramai dekat Jementah ni pun ramai juga orang berbasikal saya, secara tak langsung saya dapat geng (kawan-kawan) daripada situ. Yang kedua nya saya suka hiking (mendaki). Okay hiking saya selalu hiking dekat Jementah ada satu bukit Jementah tak pun Bukit Cinta, kalau cik tahu cik pernah dengar kan bukit cinta tu kan (bertanya kepada penemu bual) haa dekat Jementah tu saya selalu hiking lah kalau hari minggu kalau saya tak bekerja tak pun pada cuti umum. Yang kedua nya saya pernah buat hiking di Jeram Tinggi dekat kampung saya ni ada satu tempat haa perkelahan hutan simpan, haa tapi kalau kita nak masuk dalam tu kita kena - - daftar dekat Taman Negara. Jadi sukan hiking pun saya minat juga haa (berfikir sejenak) dalam tiga, empat tempat lah saya dah pergi hiking bersama kawan-kawan saya. Macam berbasikal pun sama juga haa bersama kawan-kawan saya la. Kadang-kadang saya ada sorang-sorang je, pernah rekod saya kayuhan secara solo sejauh 138 kilometer haa sorang-sorang je kan, saya pun tak sangka saya boleh ke tahap tu. Haa mula-mula kita kayuh - - nak pergi kesini ke Gemas lepas tu dah pergi ke Tampin pastu (selepas itu) pusing balik haa kan haa tu je la yang saya minat. [Bunyi mikrofon].

NQA: Adakah tok gembira dengan pencapaian Kampung Paya Jakas sekarang?

KHD: [Bunyi mikrofon]. Haa setakat hari ini, alhamdulillah la saya memang bersyukur la kan dengan pembangunan yang dianugerahkan ke kampung saya, haa (berfikir sejenak) dari segi apa tu infrastruktur nya semua lengkap, haa cuma kalau ada lagi lebih baik daripada sekarang pun lagi bagus maksudnya kalau kerajaan yang ada sekarang ni membantu untuk membina prasarana lah kan di kampung saya. [Bunyi mikrofon].

NQA: Seterusnya, asal-usul pembukaan kampung, err (berfikir sejenak) adakah tok mengetahui serba sedikit tentang sejarah negeri Johor? [Bunyi mikrofon].

KHD: Haa saya setakat ni saya tahu sejarah negeri Johor iyalah Johor ni bermula aaa (berfikir sejenak) 1800 lah sejarah negeri Johor kan, haa saya tak memang tak senang tak berapa pasti la tentang sejarah negeri Johor ni. [Bunyi mikrofon].

NQA: Adakah tok mengetahui tentang sejarah pembukaan Segamat? [Bunyi mikrofon].

KHD: Oh sejarah pembukaan Segamat iyalah saya duduk Jementah tapi saya dekat saya Jementah ni ke Segamat jauh lebih kurang 23 kilometer. Haa jadi saya tahu serba sedikit lah tentang penubuhan nama Segamat tu asalnya yang mana saya tahu sejarah cerita-cerita daripada orang lama dan sumber-sumber saya dapatkan. Nama asal Segamat ni bermula daripada seorang temenggong bersama rombongan nya singgah minum air atau pun basuh muka dekat sungai Segamat tu, bila dia basuh muka ataupun dia minum air saya tak pasti eh dua antara tu je lah haa dia minum air ataupun basuh muka tu bila tu badan dia terasa segar dari situ la ter-timbul-nya perkataan segar dia cakap segar amat air ni haa (menjelaskan) segar amat - - last-last (akhirnya) bila dah hari-hari sebut jadinya Segamat haa mana asalnya daripada perkataan segar amat air daerah Segamat ni air sungai Segamat. [Bunyi mikrofon].

NQA: Seperti yang kita maklum, Kampung Paya Jakas ini terletak di bandar Segamat di daerah Segamat, bagaimanakah Kampung Paya Jakas ini boleh ditubuhkan?

KHD: [Bunyi mikrofon]. Maksudnya, okay, Kampung Paya Jakas ni ditubuhkan saya pun tak tahu dari tahun berapa, dah sejak saya lahir pun dah nama ni pun dah Kampung Paya Jakas, ketua kampung yang dulu sebelum saya ni pun dah dua ketua kampung pun nama tu memang dah ada dari orang-orang dulu saya tak pasti dari tahun berapa kan, haa (berfikir sejenak) penubuhan Kampung Paya Jakas haa (berfikir) - - okay – itu saja.

NQA: [Bunyi mikrofon]. Bagaimanakah kampung ini boleh dinamakan sebagai Kampung Paya Jakas?

KHD: [Bunyi mikrofon] Okay kampung ni asalnya Kampung Paya Jakas ni okay saya cerita sedikit se-jarah dia, Paya Jakas ni asalnya daripada pokok jakas yang mana pokok jakas ni sejenis pokok macam daun pandan yang mana daunnya berduri sikit separuh nya berduri haa (berfikir sejenak) jadi dekat - - Dulu penempatan paya jakas ni di sebelah sana sebelah Kampung Paya Jakas lama dan ulu Jementah ye, yang mana tempat penduduk kampung duduk tu penempatan penduduk tu kawasan paya dan juga

bukan paya la makna berhampiran dengan paya yang mana paya tu banyak tu-mbuhnya pokok jakas. Haa jadi orang dulu biasa la kan mana tempat yang senang sebut situ la nama tempatnya jadi timbul lah nama perkataan paya jakas dia orang nak pergi dekat mana dia orang kata pergi paya jakas, paya yang banyak pokok jakas. Haa jadi timbulnya dari perkataan sebuah tumbuhan nama jakas tu. [Bunyi mikrofon].

NQA: [Bunyi mikrofon]. Semasa pembukaan kampung ini, apakah cabaran yang dihadapi oleh penduduk setempat ataupun tok sendiri?

KHD: Err tiada cabaran sebenarnya. Err (berfikir sejenak) okay sekarang ni Paya Jakas ni dulu di tempat lain sekarang dipindah di tempat cik ada sekarang ni, cik bertiga ni haa (berfikir sejenak) yang mana penempatan ni haa di tempat lain kerajaan pindahkan penduduk dikumpulkan di dalam blok yang ada sekarang ni yang mana tanah-tanah lot kerajaan peruntukkan bagi pada penduduk yang ada duduk bersepah-sepah tu kan pindah dekat sini sebabnya sebahagian - - salah satu sebab kerajaan pindahkan penduduk disini semasa zaman komunis. Haa jadi orang takut kan masa zaman komunis jadi kerajaan kumpulkan haa dekat yang ada sekarang ni lah dekat bangunan yang ada sekarang ni dekat dalam blok yang ada sekarang ni, haa tu eh (menjelaskan). [Bunyi mikrofon].

NQA: Semasa suasana di awal pembukaan, bagaimanakah keadaan dan pembentukkan di kampung ini?

KHD: Okay penerimaan penduduk kampung pada masa tu setahu saya memang dia orang gembira yang mana dia orang berkumpul beramai-ramai di satu tempat yang dikumpulkan makna jauh daripada komunis, haa kan kalau dulu dia orang duduk iyalah dalam kebun makna dekat mana tanah jadi risau daripada binatang buas, haa bila dah ni dia orang rasa bersyukur la penempatan yang ada jadi penduduk semua dapat berkumpul beramai-ramai disini, haa jiran-jiran dia orang kan, haa macam tu. [Bunyi mikrofon].

NQA: Apakah yang berlaku semasa pembukaan kampung?

KHD: Haa apa itu sambutan yang berlaku iyalah tiada konflik apa semua cuma penduduk kampung sini gembira la apabila dia orang semua dapat dikumpulkan yang seingat saya dia orang buat kenduri kampung la beramai-ramai pada masa tu menurut sejarah daripada orang dulu la kan, haa masa tu pun saya belum lahir lagi, haa jadi sejarah yang saya diberi tahu penduduk kampung disini buat kenduri beramai-ramai kenduri kampung. [Bunyi mikrofon].

NQA: Okay seterusnya, berapakah bilangan penduduk di awal pembukaan kampung? [Bunyi mikrofon].

KHD: Haa seingat saya apa yang diceritakan oleh orang-orang dulu haa pada pemindahan tu kampung ni seramai lebih kurang 30-40 orang eh, 30 err (menjelaskan) bukan keluarga, 30-40 orang yang pindah kesini untuk apa tu sesi yang pertama la sebab dia orang pindah sini kerajaan bagi tanah - - bentuk blok haa dia orang pindah sini dia buat rumah makna mana yang ada tak ada modal dulu dia tak buat rumah dia duduk dekat haa kampung lama tu, haa ye. [Bunyi mikrofon].

NQA: [Bunyi mikrofon] Apakah kemudahan yang terdapat di lokaliti semasa awal pembentukan kampung?

KHD: [Bunyi mikrofon] Kemudahan yang ada disini pada yang mana saya bagi kepada cik gambar itu hari kan, cuma rumah pasung haa rumah pasung atau pun orang dulu cakap rumah pasung kalau sekarang cakap balai polis, haa yang ada cuma balai polis sahaja pada ketika itu pondok polis, rumah pasung. [Bunyi mikrofon].

NQA: Jika pada waktu dahulu [orang batuk] hanya terdapat rumah pasung di kampung ini, bagaimanakah penduduk untuk mendapatkan khidmat seperti klinik dan sebagainya?

KHD: Okay memandangkan kampung kita ni ada rumah pasung saja, kalau untuk kesihatan klinik dia orang pergi ke Jementah, haa dan juga sekolah - - dulu dekat kampung saya takda sekolah haa setahu saya sekolah dulu dia orang pergi dekat kampung apa tu sini orang cakap Kampung Batu 13, haa dekat sebelah kompleks penghulu atau pun Sekolah - - Kebangsaan Jementah yang ada sekarang ni haa (menjelaskan), penduduk kampung sini arwah bapa saya kan makcik saya semua

sekolah dekat sana, dekat sini takda sekolah yang ada cuma balai polis eh pondok rumah pasung saja. [Bunyi mikrofon].

NQA: Seterusnya corak pentadbiran, apakah sistem pengurusan yang digunakan semasa pembukaan Kampung Paya Jakas?

KHD: Segala sistem pengurusan yang ada pada ketika itu ditadbir oleh ketua kampung sahaja ye.

NQA: [Bunyi mikrofon] Bagaimanakah keadaan Kampung Paya Jakas dengan sistem pengurusan tersebut, adakah seluruh penduduk kampung berpuas hati jika ketua kampung sahaja yang membuat keputusan untuk semua masalah? [Bunyi mikrofon]

KHD: Ye memang betul, haa dulu orang dulu pun dia kalau apa-apa masalah akan jumpa ketua kampung dan juga imam. Ketua pentadbirnya adalah ketua kampung jadi penduduk tiada masalah la untuk rujukan apa-apa kes nikah, kahwin, kenduri-kendara dia orang akan rujuk kepada ketua kampung untuk menetapkan tarikh atau pun membuat suatu-suatu majlis jadi dia orang pun runding dulu tiada masalah. [Bunyi mikrofon]

NQA: Siapakah tokoh perintis dan apakah sumbangannya kepada Kampung Paya Jakas?

KHD: Tokoh perintis yang saya tahu haa (berfikir sejenak) Allah allahyarham Ahmad Dahlan. Ehem-hmm (berdeham) yang mana beliau bukan berasal dari kampung sini, dia berkahwin dengan orang sini dia asal dia dari haa Panchor eh (menjelaskan) Panchor, Muar yang mana bila dia kahwin dengan - - orang kampung sini jadi dia menetap disini lama-kelamaan dari segi pergaulan dia orang kampung menerima dengan apa yang dia pandangan-pandang dia, jadi tokoh perintis tu bukan nya ketua kampung eh (menegaskan) cuma penduduk disini je lah yang mana apa jasa yang dia buat pada penduduk kampung ni dia memohon tanah untuk tanah kebun untuk setiap penduduk kampung yang ada disini. Alhamdulillah saya dapat tahu haa (berfikir sejenak) dia dapat buka tanah mohon tanah kalau tak silap saya sekurang-kurangnya satu orang lima, enam ekar pada ketika itu dan juga tanah sekarang tanah itu sampai sekarang masih ada lagi untuk iyalah nama-nama yang diberi yang mana Ahmad Dahlan ni dia haa

Encik Ahmad Dahlan, Ahmad Bin Dahlan ni dia seorang yang bergiat, dia selalu berhubung dengan pihak-pihak kerajaan negeri Johor dengan haa kerajaan pada ketika itu jadi mudah lah bagi dia untuk berurusan, ketua kampung memang ketua kampung lah tapi dia bukan ketua kampung tinggal dia berminat untuk menceburi bidang politik haa bukan politik yang ada nilah macam sekarang ni haa berminat nilah bercampur berurusan dengan kakitangan kerajaan mungkin dia kenal kawan-kawan die ke saya tak pasti lah tapi dia lah yang banyak haa memberi jasa kepada penduduk kampung ni macam mana saya kata tadi dari segi sumbangan dia memberi haa (berfikir sejenak) be-be-rapa ekar tanah kepada setiap penduduk Kampung Paya Jakas ni. [Bunyi mikrofon]

**NQA: Di Kampung Paya Jakas ini berapakah populasi penduduk yang terdapat di sini?
[Bunyi mikrofon]**

KHD: Setakat hari ini, memandangkan banyak rumah yang telah dibina di kawasan kampung ini, setakat yang saya banci itu hari jumlah penduduk disini lebih kurang 470 orang.

NQA: Bolehkah tok ceritakan tempat tarikan di kampung ini?

KHD: [Bunyi mikrofon] Tempat tarikan di kampung ni biasa nya tulah di jeram mana tempat perkelahan yang ter-de- - tempat perkelahan tu terletakannya di kampung rangkaian iaitu di Kampung Hulu Jementah yang mana setiap minggu ataupun hujung minggu sekarang ni Johor cuti hari jumaat, bermula pada jumaat sabtu dan ahad memang menjadi tumpuan lah tempat tu sehingga sekarang untuk dia orang beriadah bersama keluarga, tu je.

NQA: [Bunyi mikrofon] Bolehkah tok ceritakan dengan lebih lanjut berkaitan jeram itu?

KHD: [Bunyi mikrofon] Okay setakat hari ini, haa dekat jeram tu iyalah jeram tu pun bila nak pergi ke jeram tu akan jumpa melalui dusun-dusun durian, kebun-kebun getah kan, okay err (berfikir sejenak) yang mana keistimewaan dekat jeram tu tidak disediakan tempat perkhemahan tapi siapa yang nak berkhemah di sana memang tak ada masalah la untuk contoh camping (berkhemah) kan, sebelum ni pun ada juga pelajar-pelajar

daripada sekolah-sekolah dan juga NGO-NGO pernah bercamping (berkemah) di sana. Dan juga satu lagi aktiviti yang dilakukan di Jeram Tinggi adalah mendaki, menghiking (mendaki) ke dalam hutan untuk menengok (melihat) air terjun, air terjun yang ada di dalam hutan tu yang mana kalau kita nak masuk pergi dekat - - air terjun tu kita kena daftarkan haa siapa-siapa yang nak hiking (mendaki) kena daftar dengan Taman Negara untuk mendapat permit (izin) dan insuran dan sebagainya la untuk pergi ke Jeram Tinggi air terjun, kalau sekiranya untuk pergi sekadar berkelah bersama keluarga haa tidak memerlukan haa kebenaran ataupun tidak dikenakan sebarang bayaran untuk berkelah di sana semuanya disediakan secara percuma. [Bunyi mikrofon]

NQA: [Bunyi mikrofon] Adakah dengan meminta izin Taman Negara untuk hiking (mendaki) disitu hmm (berfikir sejenak) kita perlu bayar atau hmm (berfikir sejenak) bayar khidmat orang untuk hiking (mendaki) guide (pandu)?

KHD: [Bunyi mikrofon] Haa (mengiyakan) ya betul. Kalau sekiranya contohnya cik nak buat hiking (mendaki) kat (di) sana, siapa sahaja nak hiking (mendaki) atau masuk ke dalam Jeram Tinggi ke dalam hutan tu untuk melihat haa (berfikir sejenak) gambar apa tu melihat air terjun tu semua siapa yang masuk kesana dikenakan bayaran untuk guide (pandu) dan juga untuk insuran haa kalau ma-suk kesana. Bayaran dia saya tak pasti la berapa tapi memang dikenakan bayaran sekiranya sesiapa saja yang nak masuk ke dalam hutan Jeram Tinggi tu. [Bunyi mikrofon]

NQA: [Bunyi mikrofon] Adakah hmm (berfikir sejenak) ramai remaja atau pun penduduk sekitar Segamat yang pergi hiking (mendaki) ke jeram itu?

KHD: [Bunyi mikrofon] Sekarang ni dah (sudah) disebabkan kuasa viral termasuk lah saya kadang saya ada viralkan juga kan tentang iyalah tempat-tempat kita, siapa tak nak viral kan tak nak kita maju kan kepada sesiapa kan untuk memperkenalkan tempat kampung kita, setakat ni yang saya tahu daripada Kuala Lumpur pun ada daripada negeri Pahang dan juga negeri - negeri yang ada dalam Malaysia ni, Kedah saya tak ada lah saya tak pasti lah tapi dari Kuala Lumpur, Johor Bahru, Melaka dia orang ada pergi sini bawa keluarga dan juga camping (berkemah) disini haa bersama keluarga. [Bunyi mikrofon]

NQA: [Bunyi mikrofon] Okay baiklah, hmm (berfikir sejenak) bolehkah saya tahu apakah cadangan masa hadapan untuk tok menaik tarafkan jeram tersebut? [Bunyi mikrofon]

KHD: [Bunyi mikrofon] Okay, untuk saya menaikkan taraf naik taraf jeram tersebut saya mengesyorkan kepada penduduk-penduduk yang mana yang ada tanah di kawasan jeram supaya membangunkan inap desa atau pun homestay untuk kemudahan-kemudahan pelancong-pelancong atau pun iyalah siapa-siapa sahaja yang ingin menginap atau berkelah disana, saya menyarankan kepada penduduk kampung untuk membina inap desa. Selain daripada - - sebelum ni pun kerajaan ada bagi bantuan membina wakaf dan kemudahan tandas disana, itu ja(sahaja) la. [Bunyi mikrofon]

NQA: Mengenai tanah kerajaan yang disumbangkan - - itu, adakah ia masih diusahakan oleh penduduk kampung sehingga hari ini?

KHD: [Bunyi mikrofon] Ya, penduduk kampung masih mengusahakan tanah tersebut dengan tanaman dusun dan juga getah, sebahagian nya ada menanam getah, ada menanam kelapa sawit dan juga durian haa sampai sekarang ni Alhamdulillah masih dikekal digunakan untuk sumber kewangan mereka. [Bunyi mikrofon]

NQA: Adakah sebarang gotong-royong dijalankan oleh penduduk kampung untuk membersihkan jeram tersebut?

KHD: [Bunyi mikrofon] Ya, setakat ni Alhamdulillah kadang-kadang haa (berfikir sejenak) ada NGO-NGO sendiri yang datang untuk membersihkan jeram tersebut. Selain daripada itu kampung kita akan ada juga bukan akan kita ada juga mengadakan aktiviti bergotong-royong bersama ajk kampung dan juga penduduk kampung. Haa setakat ni Alhamdulillah ya haa (berfikir sejenak) kebersihan dari segi kebersihan memang terjaga dan juga ramai juga NGO-NGO yang datang untuk bersama-sama bergotong-royong untuk menjaga kebersihan Jeram Tinggi tersebut.

NQA: [Bunyi mikrofon] Apakah pencapaian penduduk kampung dalam kerjaya mereka untuk menaikkan nama kampung ini?

KHD: [Bunyi mikrofon] Haa untuk maklumat sebenarnya ramai yang anak-nak jati Kampung Paya Jakas ni yang telah berjaya dari segi bidang kerjaya mereka dari segi kerja - - kerajaan la, yang mana dulu tapi dah pencen lah ye yang seorang tu Dato' yang bergelar Dato' menjadi pegawai kewangan negeri di Pulau Pinang dan yang terbaru ni dua orang telah menjadi timbalan pengarah di negeri Melaka, Jabatan Sumber Manusia dan juga satu lagi di Kementerian Kesihatan, timbalan pengarah juga haa (berfikir sejenak) di apa tu Putrajaya. Dan juga ada yang seorang ni dah tapi dah berpindah eh berpindah tempat jadi YDP Yang Dipertua Majlis Perbandaran Segamat selama dua tahun dan selepas itu beliau telah ditukar kerja dinaikkan pangkat menjadi pengarah tak tahu bahagia apa tapi di Johor Bahru.

NQA: [Bunyi mikrofon] Bagaimanakah pula dengan keadaan keselamatan di Kampung Paya Jakas ini?

KHD: [Bunyi mikrofon] Setakat ini Alhamdulillah la tapi memandangkan (bunyi mikrofon) jenayah berada dimana-mana tapi setakat hari ini kampung kita walaupun berada di pinggir jalan - - besar, lampu jalan pun dah ada jadi haa macam kalau malam la waktu malam jalan dah ada setiap dalam kampung ni dah ada lampu - - tiang elektrik jadi keselamatan dia ter-jaga la. Haa dan juga dari segi keselamatan benda-benda lain pun tiada masalah masih terjaga, kita pun sini ronda polis ada ronda setiap malam siang pun ada ronda dan juga kita penduduk kampung ni ada juga sukarelawan, RELA pun ada mana yang kadang-kadang dia orang pun sendiri keluar meronda waktu pada waktu malam, walaupun tak lama dalam sejam sambil dia ronda tu dia pantau sekali la kampung yang mana dua kampung ni Kampung Jementah dan juga Kampung Paya Jakas. Haa jadi keselamatan setakat ni Alhamdulillah. Haa sebab kita pun ada memang baik dengan hubungan rapat kita dengan Balai Polis Jementah pun dengan Balai Polis Jementah memang akrab la memang akrab. Haa jadi dia orang pun selalu datang sini minum disini ada warung dia selalu minum jadi bila polis ada RELA ada, keselamatan tu agak terkawal la ye. [Bunyi mikrofon]

NQA: Seperti yang sedia maklum, yang tok katakan tadi haa (berfikir sejenak) keselamatan di kampung ini sangat-sangat la ketat dan agak bagus hmm (berfikir sejenak) jadi haa maksudnya tiada pecah rumah ataupun kes jenayah yang pernah berlaku di kampung ini?

KHD: [Bunyi mikrofon] Haa dulu sebelum kita buat rondaan pemantauan yang mana pemantauan itu dilakukan oleh RELA dan penduduk kampung sendiri, sebelum tu ada pernah berlaku kes pecah rumah di waktu malam bukan rompak la lebih kurang rompak sama macam tu ketika orang sedang tidur rumah mereka telah dimasuki penjenayah la, haa selepas itu kita membuat rondaan - - penduduk kampung menjaga kawal kampung setakat ni Alhamdulillah haa masih terkawal tiada kes-kes jenayah seperti itu berlaku lagi, Alhamdulillah. [Bunyi mikrofon]

Sesi kedua

NSA: Saya Nurin Shaza Alia Binti Mahazan akan mengambil alih sesi menemurah bagi minit yang seterusnya bersama tokoh yang dikenali sebagai Tok Khairullah. Okay kalau macam tu (begitu) saya teruskan dengan soalan yang seterusnya, berkaitan aktiviti ekonomi masyarakat di awal pembukaan Kampung Paya Jakas. Apakah aktiviti ekonomi yang dilakukan masyarakat semasa awal pembukaan kampung?

KHD: [Bunyi Mikrofon]. Okay ekonomi penduduk pada masa ketika itu kebanyakan dorang (mereka) semua bekerja sebagai petani, di mana ada 2 bahagian penorah getah dan juga pesawah "pesawah padi" cumanya yelah, ketika itu kedudukan dusun dorang dan kebun dorang berada di Kampung Ulu Jementah. [Bunyi Mikrofon].

NSA: Ok adakah aktiviti tersebut membantu mereka untuk menjana pendapatan harian mereka? [Bunyi Mikrofon].

KHD: [Bunyi Mikrofon]. Oh, sudah pastilah memang dulu kan susah takde kerja macam sekarang ni, kerja kilang kerja apa benda swasta takde ye, jadi memang sangat-sangat membantulah untuk dorang menjana pendapatan untuk menyara keluarga masing-masing. [Bunyi Mikrofon].

NSA: Bagaimana pula dengan aktiviti ekonomi pada masa kini bagi masyarakat Kampung Paya Jakas? [Bunyi Mikrofon].

KHD: Okay penduduk pada masa kini kebanyakan penduduk tidak lagi bekerja sebagai petani. Yang mana yang bekerja petani pun dah uzur dan juga kebun dorang macam

sawah tu dah tak buat lagi. Takde aktiviti sawah lagi dorang kebanyakannya dah tanam [beralih] kepada tanaman durian dan juga kelapa sawit. Begitu juga dengan menoreh getah [menoreh getah] kebanyakan dorang pun dah tanam durian di kebun-kebun dorang. Jadi penduduk kampung disini kebanyakannya bekerja swata dan juga kakitangan awam, bekerja kerajaan lah.

NSA: Ok, boleh tok terangkan tentang aktiviti yang menjadi tumpuan masyarakat kini?

KHD: Aktiviti penduduk kampung kini yang mana kita akan buat acara gotong-royong dan juga sukan. Salah satu sukan yang kita adakan di kampung ini adalah gabungan antara penduduk kampung dan juga pusat internet yang ada sekarang. Aktiviti kampung la, selain daripada bacaan yasin dan juga bermain kompang, silat pun ada tapi silat dianjurkan oleh sekolah, jadi ia terbuka kepada sesiapa yang anak-anak mereka yang berada daripada luar pun boleh join (sertai) sekali untuk belajar silat dengan pihak sekolah.

NSA: Boleh tok terangkan tentang contoh sukan apa yang dianjurkan? [Bunyi Mikrofon].

KHD: sukan yang dianjurkan adalah sukan rakyat. Sukan rakyat semua faham kan?

NSA: Mengganggu sambil tersenyum

KHD: Macam lari dalam guni, ape tu masuk dalam tempurung dan juga main congkak macam tu.

NSA: Dimanakah aktiviti sukan ini dianjurkan? [Bunyi Mikrofon].

KHD: Okay baiklah, disini ada 2 tempat, biasanya dorang buat dekat sini depan pusat internet ni dan juga 1 lagi di dewan Kampung Paya Jakas yang mana kampung kita ada sebuah dewan yang agak besar sikit jugalah, dimana amat sesuai dalam tu untuk melakukan aktiviti sukan indoor (dalaman).

NSA: Bagaimana pula dengan sambutan aktiviti yang dianjurkan untuk masyarakat disini?

KHD: Alhamdulillah, setiap kali kita anjurkan sukan sambutan daripada penduduk kampung ni amat- amat menggalakkan, dari kanak- kanak sehinggalah ke peringkat orang tua. Macam orang tua pun ada sukan dia juga kan, Jadi takde masalah lah. Dorang kalau boleh benda tu nak adakan setiap bulan katanya haa tapi kita biasanya kita akan buat jarang- jarang, setahun atau ke dua tahun, jadi dah berapa tahun ni kita takde disebabkan oleh pandemik covid jadi kita tak dapat melaksanakan program sukan lah. Kemungkinan Insya Allah selepas ini kita akan menganjurkan sukan rakyat untuk penduduk setempat. [Bunyi Mikrofon].

NSA: Okay kita boleh beralih kepada soalan yang seterusnya tentang gaya hidup masyarakat, bagaimana gaya hidup masyarakat pada awal pembukaan kampung?

KHD: Okay gaya hidup penduduk ermm (berdehem) penduduk kampung ketika pada zaman dahulu sampai sekarang diamalkan lah yang mana semangat gotong- royong dan juga muhibah antara penduduk amat- amat baik sekali, kalau mengadakan gotong- royong kampung ada sambutan kerjasama dari semua pihak, semua pihak terbabitlah dan juga macam kerja kawin bandingkan dulu dengan sekarang. Sekarang ni kebanyakan orang guna katering tapi mana keluarga yang tak mampu tu masih ada lagi gotong- royong, kalau dulu memang nak katakan 100% untuk masyarakat kampung ni untuk melaksanakan majlis kawin ataupun kenduri-kendara akan dibantu oleh seluruh penduduk kampung yang berada disini lah. Kadang- kadang macam majlis perkahwinan kalau dulu 5 hari, 6 hari dorang dah berkampung. Faham tak maksud berkampung, dorang buat gotong- royong untuk buat kuih, belah kayu dulu kan takde apa tu dapur gas kan. Hah buat balai dulu balai- - sekarang ni balai kanopi senang, dulu dorang buat daripada buluh cuma dan juga cari atap nipah untuk buat balai lah. Seingat saya lah pada ketika zaman tu saya merasa tapi tak lama lah mungkin dalam setahun lepastu dah takde lagi dorang dah guna dapat apa tu- - balai zink. Haa tu lah jadi saya pergi apa tu masyarakat sini aktiviti je gotong- royong dia amat apa tu- - memang dorang amalkanlah sampai ke hari ini. [Bunyi Mikrofon].

NSA: Jadi masyarakat kampung pada masa kini masih meneruskan tradisi merewang untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara penduduk?

KHD: ye Alhamdulillah, setakat sampai ke hari ini acara rewang untuk majlis kawin ataupun kenduri- kendara masih diamalkan sehingga ke hari ini.

NSA: Ok, selain daripada aktiviti gotong-royong apakah aktiviti wajib yang dilakukan setiap tahun dalam memupuk semangat perpaduan dalam kalangan penduduk Kampung Paya Jakas?

KHD: [Bunyi Mikrofon]. Selain daripada itu, kita juga ada mengadakan marhaban. Biasanya selepas dalam bulan syawal lah, bulan raya ada 2 team (kumpulan) ye iaitu team wanita dan juga team lelaki, marhaban rumah ke rumah. Ok, yang lelaki tu ada 2 team, team A dan team B. yang mana team A untuk kawasan Kampung Paya Jakas dan Paya Jakas lama, team B untuk Kampung Ulu Jementah dan juga sehingga ke taman-taman lah macam Paya Jakas pun sampai ke taman, [kariah Paya Jakas]. Okay team lelaki kita buat pada waktu malam ada 2 bahagian 2 team la, 2 kumpulan dan juga kumpulan wanita pun ada juga kumpulan marhaban Wanita. [wanita tu memang hebat 1 hari dia marhaban 15- 20 buah rumah, awak bayangkan daripada pukul 2 sampai pukul 4 haa boleh 15 buah rumah dorang buat] haa tu jela. Yang kita kekalkan aktiviti yang ada sehingga hari ini selain daripada itu juga Yasin Kepulauan Wanita, dia ada mengadakan yasin ke rumah setiap giliran dan juga kelas wanita untuk kelas mengaji Al-Quran dan mendalami ilmu Al-Quran ha tujela sebagai untuk memupuk apa tu masyarakat di kampung ini aktiviti yang telah dilakukan. [Bunyi Mikrofon].

NSA: Boleh terangkan tentang tradisi unik masyarakat di Kampung Paya Jakas pada masa kini?

KHD: okay tradisi unik, okay untuk makluman cik penduduk kampung saya ni terdiri daripada 2 bangsa la, melayu dan juga jawa tapi jawa masyarakat jawa tak berapa ramai di sini lah lebih kurang 20% penduduk jawa yang duduk menetap di Kampung Paya Jakas. Di mana yang uniknya, orang jawa ni kalau buat kenduri dia akan jamu dengan nasi ambang, rasanya cik tahu kan nasi ambang.

NSA: Tahu! (sambil mengangguk kepala)

KHD: Ok, nasi ambang yang mana nasi ambang tu, dia berbagai- bagai campur nasi, mee dan juga lain-lain bahan lah. Okay kalau orang jawa buat kenduri dia akan jamu nasi ambang, nasi ambang tu dia masukkan dalam dulang di makan makanan dalam dulang tu bersama 4 orang, selepas tahlil tu dia akan jamukan dengan nasi ambang. Mereka akan makan jamah sikit je, "okay misalan saya datangkan berempat dia akan jamah buka nasi tu makan bagi-bagi lauk apa semua makan jamah sikit selebih tu dia bungkus _ disitu". Macam kita kalau biasa buat kenduri, kita akan makan dekat situ dan habiskan di situ. Tradisi orang jawa disini masih dikekalkan kalau buat kenduri nasi ambang bila makan nasi ambang tu dia akan jamah lepastu dia akan bungkus dan bungkus bawa balik untuk dijamu bersama keluarga. Itu lah keunikkan, biasanya kalau kenduri ni orang jawa buat untuk sambutan puasa bulan rejab, sya'ban. Bulan sya' ban. Biasanya orang jawa akan buat kenduri macam tu lah. Hah itu lah, saya rasa cik pernah makan nasi ambang kan?

NSA: pernah, saya pernah merasai nasi ambang sewaktu majlis perkahwinan di daerah perkampungan negeri johor suatu ketika dahulu. Seperti yang diperkatakan tadi sebelum menyambut bulan Ramadhan, penduduk akan menjamu nasi ambang, bagaimana pula dengan menu sewaktu hari perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri? [Bunyi Mikrofon].

KHD: Setakat hari ini kalau raya macam biasa, menu biasalah semua rumah dikatakan akan ada lemang, ketupat, rendang tu biasa tapi nasi ambang tu kalau ada cuma dalam kenduri, majlis kenduri orang jawa tu pun sekarang ni kenduri dorang buat kenduri-- kalau kematian aaa macam tu ada lah, kenduri macam saya cakap tadi untuk menyambut tibanya ramadhan dorang akan buat kenduri jamu nasi ambang, itu saja.

NSA: Okay, selain daripada itu, boleh tok terangkan tentang etnik awal yang menetap di Kampung Paya Jakas? [Bunyi Mikrofon].

KHD: Etnik awal yang menetap di sini semestinya orang kita lah, orang melayu daripada tahun- tahun dulu lah sampai ke hari ini. Etnik yang menetap awal disini ialah orang melayu, bangsa melayu.

NSA: Okay, dibawah pentadbiran tok adakah ada juga kampung- kampung lain yang tok tadbir? [Bunyi Mikrofon].

KHD: Okay untuk makluman cik, Kampung Paya Jakas adalah kampung induk yang mana di bawah Kampung Paya Jakas ni terdiri dari kampung- kampung rangkaian iaitu Kampung Ulu Jementah, Kampung Paya Jakas Lama dan Kampung India, Kampung Krisnen ye. Ada 3 lah di bawah pentadbiran saya.

NSA: Bagaimana dengan kaum yang ada di kampung- kampung tersebut, adakah sama dengan Kampung Paya Jakas atau berbeza? [Bunyi Mikrofon].

KHD: Majoriti penduduk Kampung Paya Jakas dan juga kampung- kampung rangkaiannya adalah orang melayu cuma 1 kampung saja di bawah pentadbiran Kampung Paya Jakas iaitu Kampung India, Kampung orang india yang mana penduduknya majoriti india tapi rumah dorang lebih kurang 10 buah rumah yang berada di situ dan juga penduduk india seramai 15 orang.

NSA: Apabila majoriti penduduk di Kampung Paya Jakas adalah masyarakat melayu, jadi agama yang dianuti semestinya agama islam. Bagaimana dengan Kampung Krisnen yang ramai daripada mereka adalah orang india?

KHD: ya memang betul, nak ikutkan majoriti penduduk kampung ni adalah kaum melayu dan 100% penduduk melayu adalah beragama islam kecuali di Kampung Krisnen, majoriti yang duduk disana adalah penganut agama hindu.

NSA: Okay terima kasih tok, kita teruskan lagi dengan soalan tentang pembangunan dan kemajuan semasa. Sepertimana yang tok katakan rumah pasung sudah lama dibangunkan disini jadi bagaimana dengan keadaan rumah pasung tersebut dan kenapa ianya ditutup?

KHD: Ok, rumah pasung yang cik ceritakan tadi memang ada disini dulu dan juga telah dipindahkan. Rumah pasung tu atau balai polis tu digantikan dengan masjid, yang mana balai polis tu telah dipindahkan ke Pekan Jementah. Yang mana di Pekan Jementah tu terdapat Pejabat pos, Klinik banyak kemudahan- kemudahan dan mudah untuk orang berkumpul cuma bekas tapak rumah pasung tu sehingga hari ini telah dijadikan, didirikan sebuah masjid, Masjid Jamek untuk penduduk Kampung Paya Jakas.

NSA: Jadi pada masa kini, masih terdapatlah masjid tersebut untuk penggunaan penduduk Paya Jakas?

KHD: Ya, sehingga hari ini-- dari dulu sehingga hari ini masjid tu masih kekal digunakan untuk semua kariah di Kampung Paya Jakas.

NSA: Okay, apakah perkembangan semasa yang ada di Kampung Paya Jakas selain daripada masjid tersebut? [Bunyi Mikrofon].

KHD: Selain daripada masjid, kemudahan yang ada untuk masyarakat kegunaan masyarakat di Kampung Paya Jakas ni adalah seperti sekolah agama, sekolah kebangsaan, sekolah tadika, pusat internet, dewan dan juga balai raya. Jadi alhamdulillah lah benda tu dari dulu dah ada, yang terbaru adalah kemudahan untuk tempat yang kita ada sekarang ni iaitu pusat internet untuk kegunaan masyarakat setempat. [Bunyi Mikrofon]

NSA: Okay, seterusnya apakah fasiliti yang terdapat di Kampung Paya Jakas?

KHD: Sebagaimana yang saya jelaskan tadi cuma ada 1 tambahan jelah selain daripada masjid, balai raya, sekolah dan juga pusat internet, kita ada 1 lagi iaitu perpustakaan desa, yang masa perpustakaan desa ini dibuka digunakan untuk penduduk kemudahan kampung sinilah dan penduduk- penduduk taman sekitarnya. Di mana waktu operasi pusat ape tu perpustakaan desa tu bermula dari jam 2 petang - 6 petang. Dijaga oleh seorang petugas.

NSA: Pustakawan ke?

KHD: Pustakawan ye (sambil mengangguk kepala).

NSA: Okay, boleh tok terangkan serba sedikit tentang koleksi yang terdapat di perpustakaan desa tersebut?

KHD: Koleksi yang ada di sana nak katakan semua ada lah. Koleksi- koleksi buku yang ada disitu untuk kanak-kanak, cerpen, majalah- majalah dan apa tu buku- buku pengetahuan tentang semua lah yang ada. Maknanya banyak koleksi- koleksi buku yang terdapat disana.

NSA: Seterusnya apakah perubahan ketara yang berlaku di Kampung Paya Jakas dalam aspek pembaharuan mungkin reka bentuk rumah- rumah yang ada pada masa kini? [Bunyi Mikrofon].

KHD: perubahan ketara untuk penduduk kampung dari dulu sehingga sekarang yang mana pekerjaan dorang pun sudah berubah, anak- anak dorang dah maju maksudnya dah bekerja kan, bekerja semua makan gaji dan juga berniaga jadi perubahan yang ketara pada untuk kediaman dorang, rumah dorang lah. Daripada yang dulu rumah papan nak katakan 100% dulu rumah papan, 1 bilik sekarang ni, alhamdulillah dalam keadaan ekonomi keluarga masing- masing penduduk kampung disini daripada Kampung Ulu Jementah, Kampung Paya Jakas, Kampung Krisnen dan juga Kampung Paya Jakas Lama semuanya rumah dah berubah daripada papan ke rumah batu ada juga yang mengekalkan rumah lama tapi dalam keadaan terjagalah.

NSA: Okay, sebagaimana yang tok katakan tadi tentang pusat internet, boleh saya tahu bilakah pusat internet Kampung Paya Jakas dibangunkan? [Bunyi Mikrofon].

KHD: Ok, pusat internet Kampung Paya Jakas dimulakan, dibangunkan bermula pada tahun 2015. [Bunyi Mikrofon].

NSA: Apakah faktor yang menjadi pemangkin kepada kemajuan tersebut (pusat internet)?

KHD: Sebagaimana yang semua tahu, zaman sekarang memerlukan maklumat yang mana maklumat di hujung jari, semua maklumat di hujung jari jadi kemudahan pusat internet yang ada disini amat- amat membantu penduduk kampung untuk dorang mendapatkan maklumat ataupun pembelajaran dan juga pusat internet di sini ada menyediakan kelas untuk warga emas, orang- orang tua untuk belajar internet. Tak kira umur berapa kan [mancik- mancik pun itu hari ada datang sini untuk belajar untuk mengenali komputer dan juga mengenali untuk membuka internet].

NSA: Okay, adakah kemajuan tersebut memberi impak yang besar kepada masyarakat?

KHD: sudah sememangnya, memang memberi impak yang besar. Saya dimaklumkan bahawa sewa sini sejam pun 2 ringgit la kan untuk 1 jam warga emas mungkin 1 ringgit, warga emas 1 ringgit bukan mungkin memang 1 ringgit jadi memang memberi kesanlah amat besar kemudahan yang menarik untuk penduduk kampung. [Bunyi Mikrofon].

NSA: Walaupun berlakunya perubahan semasa ke atas kemajuan kampung, adakah peninggalan dahulu masih dikekalkan. [Bunyi Mikrofon].

KHD: Memang masih dikekalkan ialah contoh macam walaupun masyarakat di sini sibuk dengan urusan kerja, bermain internet jadi apa tadi-- dari segi masyarakat ataupun hubungan antara masyarakat antara penduduk memang masih dikekalkan. Tetap dikekalkan. [Bunyi Mikrofon].

NSA: Ok, apakah perancangan masa depan kepada kemajuan Kampung Paya Jakas? [Bunyi Mikrofon].

KHD: Perancangan saya sebenarnya banyak salah satunya adalah untuk membangunkan ekonomi penduduk kampung yang mana kita menggalakkan penduduk kampung ini sekarang ni tengah... memandangkan aaa penduduk kampung sini banyak dusun durian jadi kita mengadakan program- program Bersama jabatan pertanian bagaimana untuk menaikkan taraf penanaman durian ataupun penjagaan durian salah satunya. Yang keduanya masyarakat disini untuk Kampung Paya Jakas ni ada juga tanah- tanah kosong masih ada lagi hak milik kerajaan, saya merancang untuk membangunkan sebuah dewan dan juga pusat pengumpulan belia- belia, aktiviti rela dan juga KOSPAN. Untuk makluman cik kampung saya ni ada kospan yang mana KOSPAN tu adalah aaa-- KOSPAN tu tugas dia dikalangan--KOSPAN ni dah lama sebenarnya. Ok, KOSPAN ni dia memeriksa darah, tekanan darah dan juga tekanan gula didalam darah untuk penduduk kampung ni. Aaa yang mana KOSPAN juga-- kita

ada KOSPAN yang mana ahli- ahli KOSPAN terdiri daripada 15 orang lah sekarang ni dorang akan berada kat satu tempat untuk penduduk kampung datang untuk memeriksa darah tekanan darah dan juga tekanan gula. Waktu operasi KOSPAN daripada pukul 2-6 petang. KOSPAN tu ditubuhkan disini pada tahun 2015 juga "Komuniti Sihat Perkasa Negara". Saya rasa setiap kampung disini ada KOSPAN. Aaa KOSPAN lah ya.

NSA: Ok. Terima kasih tok atas segala perkongsian ilmu dan kerjasama yang diberikan, banyak informasi menarik yang dapat saya pelajari daripada sejarah Kampung Paya Jakas. Jadi rasanya saya akhiri temubual pada kali ini dengan ucapan terima kasih dan sebuah pantun

**"Terbenam matahari di waktu senja,
Indah sekali dipandang mata,
Menyusun jari di akhir bicara,
Silap dan salah maaf dipinta."
Terima kasih tok.**

6.0 LOG TEMUBUAL

Berikut merupakan ringkasan temubual bersama Encik Khairullah Bin Haji Daud mengenai sejarah Kampung Paya Jakas.

| MASA (MINIT) | DESKRIPSI | PERKARA |
|---------------------|---|---|
| 00:20-02:18 | Bolehkah tok ceritakan serba sedikit tentang latar belakang diri tok? | <ul style="list-style-type: none">- Khairullah Bin Haji Daud- Lahir pada 26/2/1971- Berusia 52 tahun- Ketua kampung untuk kali kedua |
| 02:19-02:41 | Berapa lama tok menetap di kampung ini? | <ul style="list-style-type: none">- Sejak lahir- 52 tahun |
| 02:42-03:20 | Jika tok bukan seorang ketua kampung apakah pekerjaan tok? | <ul style="list-style-type: none">- Selain menjawat jawatan ketua kampung, Tok Khairullah juga merupakan seorang pekerja swasta di sebuah syarikat di Jementah |
| 03:22-04:05 | Bolehkah tok ceritakan serba sedikit tentang keluarga tok? | <ul style="list-style-type: none">- Sembilan orang adik-beradik- Anak kedua- Mempunyai 5 orang anak dan seorang cucu |
| 04:08-04:52 | Adakah tok berminat mengumpul koleksi-koleksi sejarah? | <ul style="list-style-type: none">- Memang berminat tentang sejarah |
| 04:53-05:51 | Apakah contoh dan jenis koleksi yang tok simpan? | <ul style="list-style-type: none">- Siren yang digunakan pada zaman komunis- Seperti beduk yang terdapat di masjid- Duit-duit lama dan kebanyakannya mata wang Malaysia |

| | | |
|-------------|--|--|
| 05:52-06:40 | Bagaimana tok boleh berminat untuk mengumpul koleksi-koleksi sejarah, adakah tok menjadikan seseorang sebagai tok punya inspirasi untuk mengumpul sejarah-sejarah? | <ul style="list-style-type: none"> - Minat datang diri Tok Khairullah sendiri. - Dapat mengenangkan kisah lama |
| 06:43-07:06 | Sewaktu tok umur berapa tok sudah mula mengumpul koleksi-koleksi sejarah? | <ul style="list-style-type: none"> - Sewaktu sekolah menengah sudah mula mengumpul koleksi-koleksi sejarah. |
| 07:08-09:25 | Selain daripada minat tok untuk mengumpul koleksi-koleksi sejarah, apakah hobi lain atau kegiatan sukan yang tok gemar untuk lakukan? | <ul style="list-style-type: none"> - Gemar berbasikal - Menyertai banyak pertandingan - Selain berbasikal Tok Khairullah juga gemar mendaki |
| 09:28-10:05 | Adakah tok gembira dengan pencapaian Kampung Paya Jakas sekarang? | <ul style="list-style-type: none"> - Bersyukur dan gembira dengan peruntukan kerajaan kepada kampung |
| 10:08-10:34 | Adakah tok mengetahui serba sedikit tentang sejarah negeri Johor? | <ul style="list-style-type: none"> - Johor bermula sekitar tahun 1800 |
| 10:36-11:48 | Adakah tok mengetahui tentang sejarah pembukaan Segamat? | <ul style="list-style-type: none"> - Asal nama segamat adalah daripada seorang temenggong - Minum air atau basuh muka di sungai Segamat dan mengatakan bahawa air sungai itu "segar amat'. |
| 11:51-12:32 | Bagaimanakah Kampung Paya Jakas ini boleh ditubuhkan? | <ul style="list-style-type: none"> - Tok Khairullah sendiri tidak pasti |
| 12:34-13:48 | Bagaimanakah kampung ini boleh dinamakan sebagai Kampung Paya Jakas? | <ul style="list-style-type: none"> - Asal-usul nama kampung adalah dari pokok jakas - Tempat penduduk berhampiran |

| | | |
|--------------|---|--|
| | | dengan sebuah paya yang banyak pokok jakas |
| 13:50-14:47 | Semasa pembukaan kampung ini, apakah cabaran yang dihadapi oleh penduduk setempat ataupun tok sendiri? | <ul style="list-style-type: none"> - Tiada cabaran - Kerajaan pindahkan penduduk semasa zaman komunis |
| 14:51-15:32 | Semasa suasana di awal pembukaan, bagaimanakah keadaan dan pembentukkan di kampung ini? | <ul style="list-style-type: none"> - Penduduk gembira - Dahulunya penduduk di dalam kebung yang terdapat banyak binatang buas |
| 15:37- 16:08 | Apakah yang berlaku semasa pembukaan kampung? | <ul style="list-style-type: none"> - Tiada konflik yang berlaku - Penduduk kampung membuat kenduri kampung beramai-ramai |
| 16:12-16:54 | Berapakah bilangan penduduk di awal pembukaan kampung? | <ul style="list-style-type: none"> - Lebih kurang 30-40 orang |
| 16:56-17:23 | Apakah kemudahan yang terdapat di lokaliti semasa awal pembentukkan kampung? | <ul style="list-style-type: none"> - Rumah pasung sahaja |
| 17:25-18:21 | Jika pada waktu dahulu hanya terdapat rumah pasung di kampung ini, bagaimanakah penduduk untuk mendapatkan khidmat seperti klinik dan sebagainya? | <ul style="list-style-type: none"> - Jika klinik, penduduk kampung perlu pergi ke Jementah - Manakala jika bersekolah, mereka pergi ke Kampung Batu 13 |
| 18:23-18:41 | Apakah sistem pengurusan yang digunakan semasa pembukaan Kampung Paya Jakas? | <ul style="list-style-type: none"> - Segala sistem pengurusan ditadbir oleh ketua kampung sahaja |

| | | |
|-------------|---|---|
| 18:43-19:27 | Bagaimanakah keadaan Kampung Paya Jakas dengan sistem pengurusan tersebut, adakah seluruh penduduk kampung berpuas hati jika ketua kampung sahaja yang membuat keputusan untuk semua masalah? | <ul style="list-style-type: none"> - Seluruh penduduk kampung berpuas hati dengan corak pentadbiran tersebut |
| 19:30-21:57 | Siapakah tokoh perintis dan apakah sumbangannya kepada Kampung Paya Jakas? | <ul style="list-style-type: none"> - Allahyarham Ahmad Dahlan - Berasal dari Muar - Merupakan penduduk biasa di Kampung Paya Jakas - Memohon kemudahan kepada penduduk kampung |
| 21:59-22:22 | Berapakah populasi penduduk yang terdapat di sini? | <ul style="list-style-type: none"> - Lebih kurang 470 orang |
| 22:25-23:05 | Bolehkah tok ceritakan tempat tarikan di kampung ini? | <ul style="list-style-type: none"> - Tempat perkelahan iaitu jeram |
| 23:07-24:36 | Bolehkah tok ceritakan dengan lebih lanjut berkaitan jeram itu? | <ul style="list-style-type: none"> - Jeram tersebut ialah Jeram Tinggi - Boleh berkelah dan mendaki disitu - Jika ingin melihat air terjun, perlu membuat pembayaran untuk masuk ke dalam jeram tersebut |
| 24:40-25:33 | Adakah dengan meminta izin Taman Negara untuk mendaki disitu perlu membuat pembayaran bagi khidmat mereka? | <ul style="list-style-type: none"> - Dengan membuat pembayaran kepada Taman Negara bagi masuk ke dalam jeram itu, mereka akan menawarkan khidmat pandu dan insuran. |

| | | |
|-------------|--|--|
| 25:33-26:21 | Adakah ramai remaja atau pun penduduk sekitar Segamat yang pergi mendaki ke jeram itu? | <ul style="list-style-type: none"> - Ramai pelancong yang pergi ke Jeram tersebut - Termasuk dari beberapa buah negeri |
| 26:24-27:19 | Bolehkah saya tahu apakah cadangan masa hadapan untuk tok menaik tarafkan jeram tersebut? | <ul style="list-style-type: none"> - Membangunkan inap desa atau homestay |
| 27:22-27:51 | Mengenai tanah kerajaan yang disumbangkan itu, adakah ia masih diusahakan oleh penduduk kampung sehingga hari ini? | <ul style="list-style-type: none"> - Penduduk kampung masih mengusahakan tanah tersebut dengan tanaman dusun dan getah |
| 27:54-28:43 | Adakah sebarang gotong-royong dijalankan oleh penduduk kampung untuk membersihkan jeram tersebut? | <ul style="list-style-type: none"> - Pihak NGO membersihkan jeram tersebut - Penduduk kampung mengadakan aktiviti gotong royong bagi membersihkan jeram tersebut |
| 28:45-30:02 | Apakah pencapaian penduduk kampung dalam kerjaya mereka untuk menaikkan nama kampung ini? | <ul style="list-style-type: none"> - Ramai anak jati kampung yang telah berjaya dalam bidang kerjaya |
| 30:03-31:35 | Bagaimanakah pula dengan keadaan keselamatan di Kampung Paya Jakas ini? | <ul style="list-style-type: none"> - Tiada sebarang jenaya - Keselamatan terjaga - Polis, RELA dan penduduk kampung meronda pada waktu malam |
| 31:38-32:37 | Seperti yang, yang tok katakan keselamatan di kampung ini sangat ketat dan agak bagus jadi maksudnya tiada kes jenayah yang pernah berlaku di kampung ini? | <ul style="list-style-type: none"> - Sebelum pemantauan dilakukan, pernah ada kes pecah rumah berlaku di waktu malam - Selepas pemantauan dilakukan tiada lagi kes jenayah berlaku |

| | | |
|--------------|--|--|
| 33.05- 33.39 | Apakah aktiviti ekonomi yang dilakukan masyarakat semasa awal pembukaan kampung? | <ul style="list-style-type: none"> - bekerja sebagai petani, penorah getah dan juga pesawah padi |
| 33.41- 34.02 | Adakah aktiviti tersebut membantu mereka untuk menjana pendapatan harian mereka? | <ul style="list-style-type: none"> - Sudah pastilah. - Dahulu tiada kerja seperti masa kini, kerja kilang kerja ataupun swasta, jadi pekerjaan seperti itu sangat membantu mereka menjana pendapatan untuk menyara keluarga masing-masing. |
| 34.04- 34.58 | Bagaimana dengan aktiviti ekonomi pada masa kini bagi masyarakat Kampung Paya Jakas? | <ul style="list-style-type: none"> - Penduduk pada masa kini kebanyakan penduduk tidak lagi bekerja sebagai petani. - Kebanyakannya sudah beralih kepada tanaman durian dan juga kelapa sawit. - Penduduk kampung disini kebanyakannya bekerja swasta dan juga kakitangan awam. |
| 35.00- 35.50 | Apakah aktiviti yang menjadi tumpuan masyarakat kini? | <ul style="list-style-type: none"> - Mengadakan acara gotong-royong dan sukan - Bacaan yasin - Bermain kompang - Silat |
| 35.52- 36.14 | Apakah contoh sukan yang dianjurkan? | <ul style="list-style-type: none"> - sukan rakyat seperti lari dalam guni, masuk air dalam tempurung dan juga conkak. |

| | | |
|--------------|---|--|
| 36.17- 36.44 | Dimanakah aktiviti sukan tersebut dianjurkan? | <ul style="list-style-type: none"> - Depan pusat internet Kg. Paya Jakas. - Dewan Kampung Paya Jakas |
| 36.47- 37.41 | Bagaimana dengan sambutan aktiviti yang dianjurkan untuk masyarakat disini? | <ul style="list-style-type: none"> - Sambutan daripada penduduk kampung amat menggalakkan. - Dari kanak- kanak sehinggalah ke peringkat orang tua. |
| 47.50- 39.54 | Bagaimana gaya hidup masyarakat pada awal pembukaan kampung? | <ul style="list-style-type: none"> - Semangat gotong- royong dan muhibah antara penduduk amat baik sekali. - Masyarakat kampung ni untuk melaksanakan majlis kawin ataupun kenduri-kendara akan dibantu oleh seluruh penduduk kampung. |
| 39.56- 40.16 | Adakah masyarakat kampung pada masa kini masih meneruskan tradisi merewang untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara penduduk? | <ul style="list-style-type: none"> - Ya, Alhamdulillah. - Acara merewang untuk majlis kawin ataupun kenduri- kendara masih diamalkan sehingga ke hari ini. |
| 40.18- 42.04 | Selain daripada aktiviti gotong-royong apakah aktiviti wajib yang dilakukan setiap tahun dalam memupuk semangat perpaduan dalam kalangan penduduk Kampung Paya Jakas? | <ul style="list-style-type: none"> - Marhaban. - Yasin. - Kepulauan Wanita. - kelas mengaji Al-Quran untuk Wanita. |
| 42.07- 44.15 | Apakah tradisi unik masyarakat di Kampung Paya Jakas pada masa kini? | <ul style="list-style-type: none"> - Penduduk Kampung Paya Jakas terdiri daripada dua bangsa iaitu melayu dan jawa. - Orang jawa akan menyediakan nasi ambang semasa kenduri. |

| | | |
|--------------|--|--|
| 44.32- 45.16 | Sebelum menyambut bulan Ramadhan, penduduk jawa akan menjamu nasi ambang, bagaimana pula dengan menu sewaktu hari perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri? | <ul style="list-style-type: none"> - Setakat hari ini menu raya seperti biasa. - Lemang, ketupat dan rendang. - Nasi ambang hanya akan dijamu semasa dalam kenduri orang jawa sahaja. |
| 45.21- 45.41 | Bagaimana dengan etnik awal yang menetap di Kampung Paya Jakas? | <ul style="list-style-type: none"> - Etnik awal yang menetap Kg. Paya Jakas semestinya orang melayu dan bangsa melayu. |
| 45.45- 46.16 | Adakah terdapat kampung lain dibawah pentadbiran tok ketua (tokoh)? | <ul style="list-style-type: none"> - Kampung Paya Jakas adalah kampung induk, di bawah Kampung Paya Jakas terdiri daripada kampung- kampung rangkaian iaitu Kampung Ulu Jementah, Kampung Paya Jakas Lama dan Kampung India, Kampung Krisnen. - Terdapat tiga kampung dibawah pentadbiran tokoh. |
| 46.19- 47.00 | Bagaimana dengan kaum yang terdapat di kampung- kampung tersebut, adakah sama seperti Kampung Paya Jakas atau berbeza? | <ul style="list-style-type: none"> - Majoriti penduduk Kampung Paya Jakas dan juga kampung- kampung rangkaiannya adalah orang melayu, hanya satu kampung sahaja di bawah pentadbiran Kampung Paya Jakas iaitu Kampung India, dimana penduduknya majoriti adalah india |
| 47.13- 47.41 | Bagaimana dengan Kampung Krisnen yang ramai daripada mereka adalah orang india? | <ul style="list-style-type: none"> - Majoriti penduduk Kampung Krisnen adalah penganut agama hindu. |

| | | |
|--------------|--|--|
| 47.57- 48.54 | Bagaimana dengan keadaan rumah pasung tersebut dan kenapa ianya ditutup? | <ul style="list-style-type: none"> - Rumah pasung telah dipindahkan. - Rumah pasung atau balai polis digantikan dengan masjid, yang mana balai polis tu telah dipindahkan ke Pekan Jementah. |
| 48.56- 49.13 | Adakah pada masa kini, masih terdapat lagi masjid tersebut untuk penggunaan penduduk Paya Jakas? | <ul style="list-style-type: none"> - Ya - Sehingga hari ini masjid tersebut masih kekal digunakan untuk semua kariah di Kampung Paya Jakas. |
| 49.18- 50.00 | Apakah perkembangan semasa yang terdapat di Kampung Paya Jakas selain daripada masjid tersebut? | <ul style="list-style-type: none"> - Sekolah agama - Sekolah kebangsaan - Sekolah tadika - Pusat internet - Dewan - Balai raya |
| 50.05- 50.54 | Apakah fasiliti yang terdapat di Kampung Paya Jakas? | <ul style="list-style-type: none"> - Selain daripada masjid, balai raya, sekolah dan juga pusat internet, terdapat juga perpustakaan desa. |
| 50.58- 51.29 | Apakah koleksi yang terdapat di perpustakaan desa? | <ul style="list-style-type: none"> - Koleksi- koleksi buku untuk kanak-kanak, cerpen, majalah- majalah dan banyak lagi. - Maksudnya banyak koleksi- koleksi buku yang terdapat disana. |
| 51.30- 52.38 | Apakah perubahan ketara yang berlaku di Kampung Paya Jakas? | <ul style="list-style-type: none"> - Pekerjaan penduduk kampung sudah berubah. - Perubahan yang ketara pada kediaman mereka. - Daripada rumah papan kepada rumah batu. |

| | | |
|--------------|--|---|
| 52.46- 53.02 | Bilakah pusat internet Kampung Paya Jakas dibangunkan? | <ul style="list-style-type: none"> - Pusat internet Kampung Paya Jakas dibangunkan bermula pada tahun 2015. |
| 53.06- 54.02 | Apakah faktor yang menjadi pemangkin kepada kemajuan pusat internet? | <ul style="list-style-type: none"> - Zaman sekarang memerlukan maklumat di hujung jari. - Kemudahan pusat internet amat membantu penduduk kampung untuk mendapatkan maklumat atau pembelajaran. |
| 54.06- 54.36 | Adakah kemajuan tersebut memberi impak yang besar kepada masyarakat? | <ul style="list-style-type: none"> - Sudah sememangnya memberi impak yang besar. - Kemudahan yang menarik untuk penduduk kampung. |
| 54.45- 55.20 | Adakah peninggalan dahulu masih dikekalkan? | <ul style="list-style-type: none"> - Masih dikekalkan. |
| 55.24- 57.44 | Apakah perancangan masa depan kepada kemajuan Kampung Paya Jakas? | <ul style="list-style-type: none"> - Membangunkan ekonomi penduduk kampung. - Mengadakan program- program bersama jabatan pertanian untuk menaikan taraf penanaman durian ataupun penjagaan durian. - Membangunkan sebuah dewan dan juga pusat pengumpulan belia- belia, aktiviti rela dan KOSPAN. |

7.0 RALAT

| MASA (MINIT) | RALAT |
|---------------------|----------------|
| 00:00-00:02 | Bunyi mikrofon |
| 00:56-00:58 | Bunyi mikrofon |
| 02:17-02:18 | Bunyi mikrofon |
| 02:52-02:54 | Bunyi mikrofon |
| 03:20-03:21 | Bunyi mikrofon |
| 04:05-04:07 | Bunyi mikrofon |
| 04:52-04:53 | Bunyi mikrofon |
| 05:50-05:51 | Bunyi mikrofon |
| 06:41-06:42 | Bunyi mikrofon |
| 06:52-06:53 | Bunyi mikrofon |
| 07:06-07:08 | Bunyi mikrofon |
| 09:25-09:26 | Bunyi mikrofon |
| 10:05-10:06 | Bunyi mikrofon |
| 10:34-10:36 | Bunyi mikrofon |
| 11:48-11:50 | Bunyi mikrofon |
| 12:32-12:33 | Bunyi mikrofon |
| 13:48-13:49 | Bunyi mikrofon |
| 14:47-14:50 | Bunyi mikrofon |
| 15:32-15:36 | Bunyi mikrofon |
| 16:08-16:11 | Bunyi mikrofon |
| 16:17-16:18 | Bunyi mikrofon |
| 16:54-16:55 | Bunyi mikrofon |
| 17:01-17:02 | Bunyi mikrofon |
| 17:23-17:25 | Bunyi mikrofon |

| | |
|--------------|-------------------|
| 17:28-17:29 | Suara orang batuk |
| 18:22 | Bunyi mikrofon |
| 18:41-18:43 | Bunyi mikrofon |
| 19:27-19:30 | Bunyi mikrofon |
| 19:44 | Bunyi mikrofon |
| 19:45-19:46 | Suara orang batuk |
| 19:47 | Bunyi mikrofon |
| 21:57-:21:58 | Bunyi mikrofon |
| 22:30 | Bunyi mikrofon |
| 23:05 | Bunyi mikrofon |
| 23:10-23:13 | Bunyi mikrofon |
| 24:37-24:39 | Bunyi mikrofon |
| 25:30-25:31 | Bunyi mikrofon |
| 26:21-26:24 | Bunyi mikrofon |
| 27:19-27:20 | Bunyi mikrofon |
| 27:51-27:53 | Bunyi mikrofon |
| 28:43-28:44 | Bunyi mikrofon |
| 28:55-28:59 | Bunyi mikrofon |
| 30:02 | Bunyi mikrofon |
| 30:08-30:09 | Bunyi mikrofon |
| 31:36-21:37 | Bunyi mikrofon |
| 31:57-21:58 | Bunyi mikrofon |
| 32:37-32:39 | Bunyi mikrofon |
| 33:38-33.40 | Bunyi mikrofon |
| 34:10-34:12 | Bunyi mikrofon |
| 35:50-35:52 | Bunyi mikrofon |
| 35:59-36:00 | Bunyi mikrofon |

| | |
|-------------|----------------|
| 36:20-36:22 | Bunyi mikrofon |
| 36:52-36:53 | Bunyi mikrofon |
| 37:41-37:42 | Bunyi mikrofon |
| 39:10-39:11 | Bunyi mikrofon |
| 39:54-39:55 | Bunyi mikrofon |
| 40:28-40:29 | Bunyi mikrofon |
| 42:04-42:05 | Bunyi mikrofon |
| 42:12-42:13 | Bunyi mikrofon |
| 44:43-44:44 | Bunyi mikrofon |
| 45:16-45:18 | Bunyi mikrofon |
| 45:25-45:26 | Bunyi mikrofon |
| 45:50-45:51 | Bunyi mikrofon |
| 46:16-46:18 | Bunyi mikrofon |
| 46:26-46:27 | Bunyi mikrofon |
| 47:19-47:20 | Bunyi mikrofon |
| 48:54-48:56 | Bunyi mikrofon |
| 49:14-49:15 | Bunyi mikrofon |
| 49:25-49:26 | Bunyi mikrofon |
| 50:01-50:03 | Bunyi mikrofon |
| 50:08-50:09 | Bunyi mikrofon |
| 50:54-50:56 | Bunyi mikrofon |
| 51:03-51:04 | Bunyi mikrofon |
| 51:43-51:44 | Bunyi mikrofon |
| 52:50-52:52 | Bunyi mikrofon |
| 53:04-53:05 | Bunyi mikrofon |
| 53:23-53:25 | Bunyi mikrofon |
| 54:03-54:05 | Bunyi mikrofon |

| | |
|-------------|----------------|
| 54:10-54:11 | Bunyi mikrofon |
| 54:38-54:39 | Bunyi mikrofon |
| 54:48-54:49 | Bunyi mikrofon |
| 55:20-55:21 | Bunyi mikrofon |
| 55:28-55:30 | Bunyi mikrofon |

8.0 GLOSARI

| | |
|---------------|---|
| A | |
| Anak Jati | Seseorang yang dilahirkan dan biasanya dibesarkan di sesuatu tempat |
| | |
| B | |
| | |
| C | |
| Cenderung | Minat pada sesuatu |
| | |
| D | |
| | |
| E | |
| Etnik | Kaum sesuatu masyarakat |
| F | |
| Fasiliti | |
| G | |
| Galakan | Dorongan dan sokongan |
| H | |
| Homestay | Rumah awam atau bilik untuk disewakan |
| I | |
| Inap desa | Rumah penginapan kampung |
| Infrastruktur | Kemudahan asas atau sistem yang digunakan |
| J | |
| Jeram | Air terjun di sungai |
| K | |

| | |
|--------------|--|
| Kariah | kawasan yang didiami oleh penduduk yang berkongsi masjid atau surau. |
| Koleksi | pengumpulan sesuatu barang untuk perbandingan, atau pameran. |
| Konflik | Perselisihan atau pertentangan antara individu |
| L | |
| | |
| | |
| M | |
| Menjawat | Memegang jawatan |
| | |
| N | |
| | |
| O | |
| | |
| | |
| P | |
| Pandamik | Wabak penyakit berjangkit yang tersebar |
| Perintis | Seseorang yang memanfaatkan peluang yang berpotensi, seorang inovator yang sanggup mencuba perkara-perkara baru. |
| Prasarana | Kemudahan dan perkhidmatan asas |
| Q | |
| | |
| R | |
| | |
| Rumah pasung | Balai polis |
| S | |
| Siren | Alat yang mengeluarkan bunyi yang kuat |
| T | |

| Tadbir | Menguruskan atau mengelola suatu organisasi |
|--------|---|
| | |
| U | |
| | |
| V | |
| | |
| W | |
| | |
| X | |
| | |
| Y | |
| | |
| Z | |
| | |

9.0 INDEKS

A

Anak Jati 12

Aktiviti 13, 20, 22, 24, 25, 26, 27, 32

E

Ekonomi 24, 31, 32

K

Koleksi 13, 14, 30,

Krisnen 29

P

Pembukaan 15, 16, 17, 18, 19, 24, 26

Pencen 22

Permit 21

Program 26, 32

T

Tokoh 19, 24

Tradisi 26, 27, 28

10.0 RUJUKAN

Azmaniza Aziz. (2023). *Sejarah Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
<https://people.utm.my/azmaniza/sejarah-johor/>

Carian Umum. (2017). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=anak+jati&d=102572&>

Fifie Safina Osman. (2021). *sejarah lisan*. Academia.edu.
https://www.academia.edu/26533506/sejarah_lisan

Portal Rasmi Pentadbiran Tanah Johor. (2022). Profil Daerah Segamat.
<https://ptj.johor.gov.my/pejabat-tanah-segamat/profil-daerah-segamat/>

Seow, H. N. (2020). Sejauh Manakah Sejarah Lisan Penting dan Diperlukan dalam Penyelidikan dan Penulis Sejarah. *Research Gate*. 10.13140/RG.2.2.27531.31527

Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar, & Noor Azlinda Wan Jan. (2012). Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan. *PPM*, 6.

Zahid Dol. (2015). *Sejarah Segamat*. Komuniti Segamat. <http://segamat.com.my/sejarah-segamat/>

11.0 LAMPIRAN

11.1 BIOGRAFI TOKOH

Encik Khairullah Bin Haji Daud atau lebih disegani dengan panggilan Tok Khairullah. Beliau dilahirkan pada 26 Februari 1971 di Kampung Paya Jakas, Segamat, Johor. Selain itu, Tok Khairullah juga membesar dan menetap di Kampung Paya Jakas semenjak lahir hingga ke hari ini. Beliau merupakan seorang ketua kampung di sebuah perkampungan yang terletak di Segamat, Johor. Beliau telah menjawat jawatan ketua kampung sebanyak dua kali bagi Kampung Paya Jakas. Selain daripada menjawat jawatan ketua kampung, beliau juga bekerja di sebuah syarikat swasta di pekan Jementah. Tok Khairullah merupakan insan yang mempunyai pengetahuan yang mendalam bagi sejarah Kampung Paya Jakas.

11.2 SURAT KEPADA PENGKISAH

| | |
|---|--|
| www.johor.uitm.edu.my | |
| Bidang Pengurusan Maklumat <i>Study of Information Management</i> | Universiti Teknologi MARA Johor Km. 12, Jalan Muar 85009 Segamat Johor Darul Ta'zim Tel: 07-9352302 Faks: 07-9352450 |
|  | |
| Rujukan : 100UITMJ(HEA/FPM.9/10/7) Tarikh : 9 MEI 2023 | |

ENCIK KHAIRULLAH BIN HAJI DAUD
Pengkisah Sejarah Tempatan

MEMOHON KEBENARAN UNTUK MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK – SEJARAH LISAN

Perkara di atas adalah dirujuk.


- Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UITM Cawangan Johor berbesar hati untuk menemubual pihak tuan/puan bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik Sejarah Lisan yang bertemakan '**Segar Amat Bumi Bertuah**'
- Tugas ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus "**Oral History Documentation**" (IMR604).
- Senarai nama pelajar yang terlibat adalah seperti berikut:-

| NAMA PELAJAR | NOMBOR PELAJAR |
|------------------------------------|----------------|
| NUR QAISARA ARISA BINTI MOHD YUSOF | 2022758317 |
| NURIN SHAZA ALIA BINTI MAHAZAN | 2022970237 |

- Untuk makluman pihak tuan/puan, objektif kerja kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar berkenaan kaedah dan teknik pelaksanaan sejarah lisan di samping **mengumpulkan kisah-kisah dan maklumat sejarah tempatan** untuk rujukan di masa akan datang. Temubual ini tidak akan melibatkan sebarang bentuk ganjaran daripada pihak kami. Mohon juga pihak tuan/puan supaya menandatangani **PERJANJIAN PROJEK SEJARAH LISAN** seperti yang dilampirkan.
- Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, Terima Kasih.

Yang benar,



AZURA ABDUL JAMIL @ KAMARUDZZAMAN
Pensyarah Kanan
b.p Ketua Pusat Pengajian Bidang Pengurusan Maklumat
Kolej Pengkomputeran, Informatik & Media

11.3 SURAT PENGAKUAN PENERIMAAN SALINAN TRANSKRIP




UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya KHAIRULLAH BIN HJ DAUD K/P: 710226015149 pada dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.



(Nama tokoh)
Tarikh:

.....
(Nama pensyarah)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

11.4 SENARAI SOALAN TEMUBUAL

1. LATAR BELAKANG PENGKISAH

- a. Bolehkah tok ceritakan serba sedikit tentang diri tok?
- b. Adakah tok anak jati kampung ini?
- c. Sudah berapa lamakah tok menetap di kampung ini?
- d. Adakah tok berminat mengumpul koleksi-koleksi sejarah?
- e. Apakah contoh dan jenis koleksi yang tok simpan?
- f. Bagaimana tok boleh minat untuk mengumpul koleksi-koleksi sejarah?
- g. Bilakah tahun mula tok mengetuai Kampung Paya Jakas?
- h. Adakah tok gembira dengan pencapaian Kampung Paya Jakas sekarang?

2. ASAL USUL PEMBUKAAN

- a. Adakah tok mengetahui tentang sejarah pentadbiran negeri Johor?
- b. Bilakah mulanya pemodenan di negeri Johor?
- c. Adakah tok mengetahui serba sedikit tentang sejarah pembukaan Segamat?
- d. Adakah terdapat cerita-cerita warisan berkaitan dengan Segamat?
- e. Bagaimanakah Kampung Paya Jakas ini ditubuh?
- f. Siapakah yang mula-mula menubuhkan Kampung Paya Jakas ini?
- g. Bagaimanakah kampung ini dinamakan sebagai Kampung Paya Jakas?
- h. Adakah kisah-kisah disebalik nama kampung ini?
- i. Semasa pembukaan kampung ini, apakah cabaran yang dihadapi oleh penduduk setempat?

3. KEADAAN /SUASANA DI AWAL PEMBUKAAN

- a. Bagaimanakah keadaan dan suasana di awal pembentukan kampung?
- b. Apakah yang berlaku semasa pembukaan kampung?
- c. Apakah cabaran yang dihadapi semasa pembukaan kampung?
- d. Bagaimana sambutan penduduk semasa awal pembukaan kampung?
- e. Berapakah bilangan penduduk di awal pembukaan kampung?
- f. Apakah kemudahan yang terdapat di lokaliti semasa awal pembentukan kampung?

4. CORAK PENTADBIRAN

- a. Apakah sistem pengurusan yang digunakan semasa pembukaan Kg. Paya Jakas?
- b. Bagaimanakah keadaan kg. Paya Jakas dengan sistem pengurusan tersebut?
- c. Adakah sistem pengurusan tersebut mendorong kepada sebarang konflik?
- d. Jika benar, Apakah konflik yang dihadapi di kampung tersebut?
- e. Siapakah tokoh perintis dan apakah sumbangannya kepada Kg. Paya Jakas?
- f. Siapakah yang bertanggungjawab untuk menguruskan hal berkaitan permasalahan kampung?

5. AKTIVITI EKONOMI MASYARAKAT DI AWAL PEMBUKAAN

- a. Apakah aktiviti ekonomi yang dilakukan masyarakat semasa awal pembukaan?
- b. Adakah aktiviti tersebut membantu mereka menjana pendapatan?
- c. Apakah aktiviti yang menjadi tumpuan masyarakat?
- d. Apakah pekerjaan yang prominan masyarakat di awal pembukaan Kg. Paya Jakas?

6. AKTIVITI SOSIAL/ GAYA HIDUP MASYARAKAT

- a. Bagaimanakah gaya hidup masyarakat pada awal pembukaan kampung?
- b. Apakah tradisi unik masyarakat di Kg. Paya Jakas pada ketika itu?
- c. Terangkan tentang etnik yang terawal tinggal di Kg. Paya Jakas?
- d. Apakah agama yang diamalkan di awal pembentukan kg. Paya Jakas?

7. PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN SEMASA

- a. Apakah perkembangan semasa di Kg. Paya Jakas?
- b. Apakah perubahan ketara yang berlaku di Kg. Paya Jakas?
- c. Apakah faktor yang menjadi pemangkin kepada kemajuan tersebut?
- d. Bilakah pusat Internet Kg. Paya Jakas dibangunkan?
- e. Adakah kemajuan tersebut memberi impak besar kepada masyarakat?
- f. Walaupun berlakunya perubahan semasa keatas kemajuan kampung, adakah peninggalan dahulu masih dikekalkan?
- g. Apakah perancangan masa depan (future plan) kepada kemajuan kampung?

11.5 DIARI PENYELIDIKAN

| TARIKH | MASA | LOKASI | KATEGORI | PERKARA DAN TINDAKAN |
|------------|-------------|--------------------|--------------------|--|
| 17/05/2023 | 8.30 malam | Dalam talian | Perbincangan | Berbincang dengan ahli kumpulan berkaitan projek yang akan dilakukan serta perbincangan tentang pertemuan pertama. |
| 21/05/2023 | 5.00 petang | Kampung Paya Jakas | Pertemuan pertama | Berjumpa dengan pengkisah iaitu Tok Khairullah Bin Haji Daud di pusat internet, Kampung Paya Jakas |
| 02/06/2023 | 9.00 malam | Dalam talian | perbincangan | Pembahagian tugas berkaitan tugas proposal |
| 03/06/2023 | 2.00 petang | Dalam talian | Kajian awal | Mencari maklumat berkaitan projek serta artikel yang berkaitan |
| 06/06/2023 | 10.00 pagi | Dalam talian | perbincangan | Berbincang dengan ahli kumpulan mengenai tarikh dan masa bagi pertemuan kedua bersama pengkisah |
| 09/06/2023 | 2.30 petang | Dalam talian | perbincangan | Menyediakan soalan-soalan yang berkaitan bagi penemuan kedua. |
| 13/06/2023 | 9.00 malam | Dalam talian | Penulisan proposal | Mula menulis proposal bagi pertemuan pertama serta perkara-perkara yang berkaitan dengan projek. |


| | | | | |
|------------|--------------------------|---------------------------|-----------------------------------|--|
| 18/06/2023 | 11.00 pagi | Kampung Paya Jakas | Pertemuan kedua | Melakukan temubual dengan pengkisah berkaitan dengan tajuk projek |
| 28/06/2023 | 10.00 pagi 9.00 malam | Dalam talian | Penulisan transkripsi dan artikel | Memulakan penulisan transkripsi |
| 15/07/2023 | 10.00 malam | Dalam talian | Penulisan transkripsi dan artikel | Menyiapkan tugas transkripsi dan artikel untuk projek. |
| 18/07/2023 | 11.15 pagi | Kolej Zamrud Uitm Segamat | Mencetak | Memindahkan salinan temubual ke dalam cakera padat untuk kegunaan pensyarah. |
| 19/07/2023 | 2.00 petang | Kolej Zamrud Uitm Segamat | Mencetak | Mencetak transkripsi |

11.6 GAMBAR-GAMBAR BERKAITAN



11.6.1 Muzium Persendirian Kampung Paya Jakas





11.6.2 Jeram Tinggi

